



Unit Pengajian Siswazah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
(Graduate Studies Unit)
Academic Affairs Department
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

YAZLI SUFLI BIN MOHD YAZID

calon untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

BURNOUT DI KALANGAN PELAJAR SARJANA

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi
bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of
the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Dr. Hj. Abdullah bin Abd. Ghani
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : _____
(Date)

22 / 12 / 2003

**BURNOUT DI KALANGAN PELAJAR SARJANA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Kertas Projek ni dikemukakan kepada Fakulti Pengurusan Perniagaan
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia

Disediakan oleh
YAZLI SUFLI BIN MOHD YAZID



Unit Pengajian Siswazah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
(Graduate Studies Unit)
Academic Affairs Department
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

YAZLI SUFLI BIN MOHD YAZID

calon untuk Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

BURNOUT DI KALANGAN PELAJAR SARJANA

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi
bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of
the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : Dr. Hj. Abdullah bin Abd. Ghani
(Name of Supervisor)

Tandatangan : 
(Signature)

Tarikh : 22/12/2003
(Date)

KEBENARAN MENGGUNAKAN KERTAS PROJEK

Kertas projek ini diserahkan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan program Sarjana Sains (Pengurusan). Saya bersetuju membenarkan perpustakaan Universiti Utara Malaysia menjadikan kertas ini sebagai rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini dibuat untuk tujuan akademik dengan mendapat kebenaran penyelia saya atau daripada Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan. Sebarang bentuk salinan atau sebahagian bagi tujuan komesil tidak dibenarkan sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu pernyataan rujukan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia perlu dinyatakan dalam penggunaan sebarang bentuk bahan-bahan yang terdapat di dalam kertas projek ini.

Permohonan bagi mendapat kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan secara keseluruhan atau sebahagian kertas projek ini boleh dibuat dengan menulis kepada:-

Dekan

Fakulti Pengurusan Perniagaan

06010 Sintok

Kedah Darulaman

ABSTRAK

BURNOUT DI KALANGAN PELAJAR SARJANA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Yazli Sufli Bin Mohd Yazid

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kewujudan burnout di kalangan pelajar sarjana yang berpusat di kampus induk Universiti Utara Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk (1) mengenal pasti perbezaan ciri-ciri demografi terpilih terhadap fenomena burnout, (2) mengenal pasti perkaitan faktor demografi terpilih, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar, (3) mengenal pasti pembolehubah bebas yang paling mendominasi fenomena burnout di kalangan pelajar. Sampel kajian adalah terdiri dari pelajar-pelajar dari 16 buah program pengajian sarjana. Seramai 106 responden terlibat dalam kajian ini dan hasil kajian menunjukkan sebanyak 14.2 peratus mengalami burnout, 1.8 peratus mengalami krisis burnout di samping 55.7 peratus mengalami tanda-tanda burnout. Hasil kajian juga menunjukkan (1) tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pekerjaan, jumlah jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus.) kecuali faktor status pelajar, (2) tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, program yang diambil, status pelajar, jumlah jam kredit, jarak tempat tinggal dengan kampus dan status pekerjaan) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. (3) tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara sikap polychronic dengan fenomena burnout di kalangan pelajar, (4) tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara orientasi matlamat akademik dengan fenomena burnout di kalangan pelajar, (5) wujud perkaitan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. Faktor lokus kawalan didapati mendominasi kewujudan burnout di kalangan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia. Kajian juga menyarankan beberapa cadangan kepada organisasi untuk mencegah kewujudan burnout di kalangan pelajar dan mengemukakan beberapa cadangan yang dapat dijadikan rujukan untuk penyelidikan di masa hadapan.

ABSTRACT

BURNOUT AMONG GRADUATE STUDENTS AT UNIVERSITY OF NORTHERN MALAYSIA

Yazli Sufli Bin Mohd Yazid

The main purpose of this study is to determine the level of burnout among Graduate students at the main campus of University of Northern Malaysia. The objectives of this study are to (1) determine the different in burnout based on selected demographic variables, (2) determine the relationships between selected demographic variables, polychronic attitude, academic goal orientation and locus of control toward the existing of burnout among the students, (3) determining the dominant factor that influence the existing of burnout among the students. The samples for this study are the Graduate students from 16 Master Programmes. A total 106 respondent were involved in this study and the finding shows that 14.2 percent was getting the burnout, 1.8 percent got the crisis of burnout and 55.7 percent has symptom of burnout. The result of the study are: (1) that there is no significant different between existing of burnout based on selected demographic variables (gender, age, marital status, number of children, type of programme study, course type, total credit hours, distant between resident to campus and occupational status) accept the variable of student status. (2) that there is no significant relationships between selected demographic variables (age, marital status, number of children, type of programme study, course type, total credit hours, distant between resident to campus and occupational status) toward the existing of burnout among the students (3) That there is no significant relationship between polychronic attitude toward the existing of burnout among the students. (3) that there is no significant relationship between academic goal orientation toward the existing of burnout among the students. (5) That there is significant relationship between locus of control toward the existing of burnout among the students. The study show that locus of control is a dominant factor that influence the existing of burnout among the students in Northern Malaysia University. The study also has given several suggestions for the organisation to prevent the existing of burnout among the student and several suggestions to improve the future study.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga Baginda.

Assalamuailaikum dan Salam Sejahtera

Bersyukur saya dengan limpah kurnia dari Allah, dengan ini siaplah Kertas Projek bagi memenuhi syarat bergraduat bagi Sarjana Sains (Pengurusan). Untuk itu, saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Dr.Hj. Abdullah bin Abd. Ghani selaku penyelia yang memberikan banyak tunjuk ajar sama ada berkaitan dengan penyelidikan ini mahupun realiti kehidupan ini. Tidak dilupakan juga kepada Prof. Dato' Dr. Salleh bin Hj. Din yang memberikan inspirasi kepada langkah awal kewujudan kajian ini dan pensyarah-pensyarah lain yang turut sama memberikan ilmu dan tunjuk ajar selama saya mengikuti pengajian di sini.

Penghargaan kepada rakan-rakan yang turut sama membantu dari sudut sokongan psikologi dan material. Tidak dilupakan kepada semua ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan galakkan untuk saya terus berada di tahap ini. Kejayaan saya adalah kejayaan kita semua. Sekian terima kasih.

YAZLI SUFLI BIN MOHD YAZID
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Disember 2003

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.5.1 Objektif Umum	6
1.5.2 Objektif Khusus	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Konsep	10
1.9 Pengorganisasian Kajian	11
1.10 Kesimpulan	12

BAB 2	PEMBENTUKAN TEORI DAN HIPOTESIS	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Burnout	13
2.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Fenomena Burnout	17
2.3.1	Faktor-faktor Demografi	18
	a. Jantina	18
	b. Umur	20
	c. Taraf Perkahwinan	21
	d. Status Pekerjaan	22
	e. Konflik Peranan	23
	f. Budaya dan Orientasi	24
2.3.2	Konsep Sikap Polychronic	25
2.3.3	Orientasi Matlamat Akademik	26
2.3.4	Lokus Kawalan	31
2.4	Kerangka Teoritikal	33
2.5	Kesimpulan	34
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.3	Populasi	36
3.4	Sampel dan Kaedah Persampelan	36
3.5	Instrumen dan Pengukuran Kajian	37

3.5.1	Bahagian A: Demografi	37
3.5.2	Bahagian B: Pengukuran Burnout	38
3.5.3	Bahagian C: Indeks Sikap Polychronic	39
3.5.4	Bahagian D: Orientasi Matlamat Akademik	40
3.5.5	Bahagian E: Lokus Kawalan Diri	41
3.6	Kajian Rintis	42
3.7	Kaedah Pengutipan Data	43
3.8	Penganalisaan Data	43
3.8.1	Ujian-t	43
3.8.2	Ujian Analisis Varian Sehala (One- Way ANOVA)	44
3.8.3	Pekali Kolerasi Pearson r	44
3.8.4	Analisis Regresi Berganda	45
3.9	Kesimpulan	46
BAB 4	DAPATAN HASIL DAN PERBINCANGAN	47
4.1	Pengenalan	47
4.2	Taburan Ciri-ciri Demografi Responden	48
4.2.1	Jantina	48
4.2.2	Umur	49
4.2.3	Taraf perkahwinan	50
4.2.4	Bilangan anak	50
4.2.5	Status pelajar	51
4.2.6	Status pekerjaan	52
4.2.7	Jam kredit	53

4.2.8	Program yang diambil	53
4.2.9	Jenis kursus	55
4.2.10	Jarak tempat tinggal dengan kampus	55
4.3	Taburan Tafsiran Fenomena Burnout, Sikap Polychronic, Orientasi Matlamat Akademik dan Lokus Kawalan	56
4.3.1	Taburan Tafsiran Fenomena Burnout	57
4.3.2	Taburan Tafsiran Sikap Polychronic	58
4.3.3	Tafsiran Tafsiran Orientasi Matlamat Akademik	59
4.3.4	Taburan Tafsiran Lokus Kawalan Diri	60
4.4	Kesimpulan Perbezaan Antara Ciri-ciri Demografi Terpilih dengan Fenomena Burnout	60
4.4.1	Fenomena burnout berdasarkan jantina	61
4.4.2	Fenomena burnout berdasarkan umur	62
4.4.3	Fenomena burnout berdasarkan taraf perkahwinan	63
4.4.4	Fenomena burnout berdasarkan bilangan anak	64
4.4.5	Fenomena burnout berdasarkan status pelajar	65
4.4.6	Fenomena burnout berdasarkan status pekerjaan	66
4.4.7	Fenomena burnout berdasarkan jam kredit	67
4.4.8	Fenomena burnout berdasarkan program yang diambil	68
4.4.9	Fenomena burnout berdasarkan jenis kursus	69
4.4.10	Fenomena burnout berdasarkan jarak tempat tinggal dengan kampus	70

4.5	Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Ciri-ciri Demografi	71
4.5.1	Perkaitan faktor demografi terpilih (umur) dengan fenomena burnout.	72
4.5.2	Perkaitan faktor demografi terpilih (taraf perkahwinan) dengan fenomena burnout.	73
4.5.3	Perkaitan faktor demografi terpilih (bilangan anak) dengan fenomena burnout.	74
4.5.4	Perkaitan faktor demografi terpilih (status pekerjaan) dengan fenomena burnout.	75
4.5.5	Perkaitan faktor demografi terpilih (jam kredit) dengan fenomena burnout.	76
4.5.6	Perkaitan faktor demografi terpilih (program yang diambil) dengan fenomena burnout.	77
4.5.7	Perkaitan faktor demografi terpilih (jenis kursus) dengan fenomena burnout.	78
4.5.8	Perkaitan faktor demografi terpilih (jarak tempat tinggal dengan kampus) dengan fenomena burnout.	79
4.6	Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Sikap Polychronic	80
4.7	Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Orientasi Matlamat Akademik	81
4.8	Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Lokus Kawalan	82
4.9	Analisis Regresi Berganda	83
4.10	Kesimpulan	84

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	85
5.1	Pengenalan	85
5.2	Rumusan Kajian	85
5.2.1	Objektif Umum	85
5.2.2	Objektif Pertama	86
5.2.3	Objektif Kedua	86
5.2.4	Objektif Ketiga	87
5.3	Implikasi Kajian	87
5.4	Masalah Kajian	88
5.5	Cadangan kepada Organisasi	90
5.6	Cadangan kepada Penyelidikan Akan Datang	91
5.7	Penutup	92
	RUJUKAN	94
	APPENDIX I	
	APPENDIX II	
	APPENDIX III	

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 2.1	Klasifikasi Ciri-ciri Polychronic dan Monochronic	27
Jadual 3.1	Tafsiran pengukuran burnout	38
Jadual 3.2	Tafsiran pengukuran Index Sikap Polychronic (PAI)	40
Jadual 3.3	Tafsiran pengukuran Orientasi Akademik	40
Jadual 3.4	Tafsiran pengukuran Lokus Kawalan Diri	42
Jadual 3.5	Tafsiran pekali kolerasi oleh McBurney (2001)	45
Jadual 4.1	Taburan responden berdasarkan jantina	48
Jadual 4.2	Taburan responden berdasarkan umur	49
Jadual 4.3	Taburan responden berdasarkan taraf perkahwinan	50
Jadual 4.4	Taburan responden berdasarkan bilangan anak	51
Jadual 4.5	Taburan responden berdasarkan status pelajar	52
Jadual 4.6	Taburan responden berdasarkan status pekerjaan	52
Jadual 4.7	Taburan responden berdasarkan jumlah jam kredit	53
Jadual 4.8	Taburan responden berdasarkan program yang diambil	54
Jadual 4.9	Taburan responden berdasarkan jenis kursus	55
Jadual 4.10	Taburan responden berdasarkan jarak tempat tinggal dengan kampus	56
Jadual 4.11	Taburan responden berdasarkan tafsiran fenomena burnout	57
Jadual 4.12	Taburan responden berdasarkan tafsiran sikap polychronic	58

Jadual 4.13	Taburan responden berdasarkan tafsiran orientasi matlamat akademik	59
Jadual 4.14	Taburan responden berdasarkan tafsiran lokus kawalan diri	60
Jadual 4.15	Keputusan ujian-t bagi fenomena burnout berdasarkan jantina	61
Jadual 4.16	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan umur.	63
Jadual 4.17	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan status perkahwinan.	64
Jadual 4.18	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan bilangan anak.	65
Jadual 4.19	Keputusan ujian-t bagi fenomena burnout berdasarkan status pelajar	66
Jadual 4.20	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan status pekerjaan	67
Jadual 4.21	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jam kredit.	67
Jadual 4.22	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan program yang diambil.	68
Jadual 4.23	Keputusan ujian Analisis Varians Sehal (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jenis kursus.	69

Jadual 4.24	Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jarak tempat dengan kampus	70
Jadual 4.25	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan umur	72
Jadual 4.26	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan taraf perkahwinan	73
Jadual 4.27	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan bilangan anak	74
Jadual 4.28	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan status pekerjaan	75
Jadual 4.29	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jam kredit	76
Jadual 4.30	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan program yang diambil	77
Jadual 4.31	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jenis kursus	78
Jadual 4.32	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jarak tempat tinggal dengan kampus	79
Jadual 4.33	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan sikap polychronic	80
Jadual 4.34	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan orientasi matlamat akademik	81

Jadual 4.35	Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan lokus kawalan	83
Jadual 4.36	Analisis Regresi Berganda faktor Lokus Kawalan Diri dan sumbangan terhadap Fenomena Burnout	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

'*Burnout*' telah mendapat perhatian ahli-ahli psikologi sejak tahun 1974 disebabkan peranannya yang memberikan kesan negatif kepada individu terhadap prestasi kerja. Kajian-kajian lalu menggambarkan bahawa burnout adalah berkadar songsang dengan prestasi kerja yang seterusnya memberikan impak negatif ke atas diri sendiri, tugas yang dilakukan, organisasi dan masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui kajian Low, Cravens, Grant dan Moncrief (2001), Gmelch dan Gates (1998), Weisberg (1994), Golembiewski (1993) dan sebagainya yang mendapati bahawa burnout adalah berkadar songsang dengan prestasi.

Kajian burnout banyak menggunakan bidang kerjaya sebagai medium kajian. Rasionalnya adalah disebabkan pengkajian-pengkajian awal seperti yang dilakukan oleh Freudenberger dalam tahun 70an, Cherniss (1980), Pines dan Aronson (1988), Schaufeli, Maslach dan Marek (1993) dan sebagainya adalah berkait rapat dengan kajian terhadap bidang kerjaya. Keadaan ini menyebabkan wujud satu variasi di mana kebanyakan pengkaji-pengkaji lebih berminat untuk mengkaji dalam skop yang sama iaitu bidang kerjaya yang berkaitan perkhidmatan iaitu hubungan terus antara pekerja (pemberi perkhidmatan) dengan klien (*client*) iaitu penerima perkhidmatan.

Kajian burnout terhadap bidang pendidikan turut dijadikan medium kajian, namun masih di dalam aspek pengkajian bidang kerjaya. Variasi ini boleh dilihat melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh Barrick (1989), Weisberg (1994) dan Whitaker (1996) yang menumpukan pengkajian terhadap golongan guru, pendidik dan pentadbir bidang pendidikan. Pengkajian terhadap para pelajar kurang dilakukan melainkan kajian Slivar (2001) dan kajian Meier dan Schmeck (1985) yang disebut di dalam Golembiewski (1993). Rasionalnya, pelajar sering dilihat sebagai bukan suatu elemen kerjaya tetapi lebih kepada golongan klien iaitu penerima perkhidmatan seperti pelanggan dan pesakit. (Borritz dan Kristensen, 2001 dan Cherniss 1980)

Namun berdasarkan keadaan semasa, didapati wujud burnout di kalangan pelajar. Beberapa penulisan seperti penulisan Pham (1998), Fields (1998) dan Langford (1997) menunjukkan burnout berlaku di kalangan pelajar di Amerika Syarikat. Senario tersebut berlaku di kalangan pelajar di dalam sebuah negara maju, yang sistem pendidikannya menjadi ikutan dunia termasuklah Malaysia. Secara logiknya, keadaan ini mampu berlaku di negara ini dan ini dibuktikan melalui kajian Yazli (2003) terhadap dua kumpulan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia yang telah menunjukkan kewujudan burnout di kalangan mereka.

Berdasarkan keadaan itu, kajian akan cuba mengenal pasti kewujudan burnout di kalangan pelajar. Ini penting kerana dengan mengenal pasti kewujudan fenomena ini di kalangan pelajar secara tidak langsung akan membuka lembaran baru dalam pengkajian terhadap bidang psikologi di Malaysia, selain dapat memantapkan kekukuhan sistem pendidikan negara dari anasir-anasir ancaman bercorak psikologi.

1.2 Penyataan Masalah

Pham (1998) dan Langford (1997) dalam penulisannya menjelaskan bahawa ketidakseimbangan dalam kehidupan seorang pelajar menjadikan diri pelajar lebih terdedah kepada burnout hingga menyebabkan pelajar hilang kawalan diri, penurunan motivasi dan sebagainya. Fields (1998) turut memberikan gambaran sama yang dihadapi dalam pengajiannya sehingga mewujudkan kesan yang negatif kepada pelajaran seperti ketidakhadiran ke kelas, kemurungan, kesihatan terganggu dan ketidaktentuan dalam kehidupan harian. Semua keadaan ini dinyatakan oleh ketiga-tiga penulis sebagai burnout di kalangan pelajar.

Senario burnout di kalangan pelajar yang dibincangkan di atas berlaku di Amerika Syarikat; sebuah negara maju dan mempunyai sistem pendidikan yang dicontohi oleh banyak negara di dunia. Keadaan burnout di kalangan pelajar Amerika Syarikat telah menyebabkan wujudnya beberapa agensi yang ditubuhkan bagi membantu pelajar yang mengalami burnout seperti di *Mercer University* (www.mercer.edu/csil/) dan *Kansas State University* (www.kstatecollegian.com). Keadaan ini membuktikan bahawa burnout berlaku di kalangan pelajar di negara tersebut dan menjadi isu yang kritikal sehingga wujudnya keperluan terhadap bantuan dari agensi sokongan bagi membantu pelajar-pelajar tersebut.

Kajian Slivar (2001) telah membuktikan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar. Kajian ini dijalankan di Republik Slovenia, di kalangan 2105 pelajar yang berusia antara 15 hingga 18 tahun dari 14 sekolah. Hasil kajian menunjukkan 6.8 peratus pelajar yang diuji mengalami burnout peringkat tertinggi dengan 72.1 peratus

adalah terdiri dari pelajar perempuan. Dapatan kajian juga mendapati pelajar yang mengalami burnout mempunyai jumlah ketidakhadiran ke kelas dengan kadar purata 63 jam/tahun berbanding pelajar yang tidak burnout iaitu pada kadar 48 jam/tahun. Keadaan ini membuktikan bahawa burnout wujud di kalangan pelajar dan mampu menjejaskan prestasi dalam pelajaran.

Kajian terhadap burnout sememangnya wujud di Malaysia, namun kajian yang dilakukan, lebih mefokuskan pengkajian terhadap individu dan kerjaya yang dikategori sebagai pemberi perkhidmatan berbanding kajian terhadap golongan klien iaitu penerima perkhidmatan. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan kajian-kajian awal yang menafikan kewujudan burnout di kalangan klien yang meliputi golongan pelanggan, pelajar dan pesakit (Cherniss, 1980). Namun isu burnout di kalangan pelajar pernah dibangkitkan dalam laporan akhbar oleh Lim dan Dermawan (2001) dalam *New Straits Times* yang memperbincangkan tekanan atau stress melampau di kalangan pelajar di institut pengajian tinggi awam di Malaysia. Laporan oleh Kaur dan Ganesan (2003) dan Darshan (2003) telah memperbincangkan isu kematian seorang pelajar baru institut pengajian tinggi awam di utara tanah air akibat membunuh diri.

Kajian Yazli (2003) terhadap 98 responden dari dua program sarjana di Universiti Utara Malaysia mendapati 55.1 peratus pelajar mengalami tanda-tanda burnout, 11.2 peratus mengalami burnout dan 2 peratus menunjukkan kewujudan krisis burnout. Keadaan ini seterusnya membuktikan bahawa burnout sememangnya mampu berlaku di kalangan pelajar di Malaysia. Dari dapatan kajian Yazli (2003), sewajarnya burnout di kalangan pelajar dijadikan satu kajian rasmi bagi membuktikan bahawa fenomena ini dapat berlaku di kalangan pelajar di negara ini. Ini kerana fenomena ini mampu

memberikan impak negatif terhadap prestasi dan kejayaan pelajar-pelajar yang seterusnya memberikan kesan terhadap sistem pendidikan Malaysia.

Bersandarkan perbincangan di atas, isu utama di dalam kajian ini adalah untuk mengkaji kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Kajian juga akan cuba mengenal pasti tahap kewujudan fenomena yang dihadapi pelajar-pelajar berkenaan dan perkaitan fenomena ini dengan elemen-elemen psikologi yang terpilih.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini cuba membuka lembaran baru dengan memfokuskan ilmu psikologi pengurusan dan industri iaitu fenomena burnout terhadap pelajar. Fenomena ini sering menjadi kajian di dalam bidang kerjaya melalui pengkajian terhadap golongan pemberi perkhidmatan. Namun kajian ini cuba mengkaji keadaan sebaliknya, iaitu mengkaji golongan klien iaitu golongan penerima perkhidmatan dan di dalam konteks ini ialah pelajar-pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Pengkajian dilakukan untuk mengenal pasti kewujudan burnout di kalangan golongan ini berdasarkan pendekatan Pines dan Aronson (1988). Kajian turut cuba mengenal pasti kewujudan variasi berdasarkan kepelbagaian demografi, sikap dan gaya kerja di dalam sesuatu masa (*polychronic*), orientasi matlamat akademik pelajar-pelajar ini dan kecenderungan lokus kawalan diri (*locus of control*) pelajar terhadap kehendak pendidikannya.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan ulasan di dalam bahagian permasalahan dan skop kajian, wujud beberapa persoalan yang dapat dijadikan dasar kepada kajian ini. Antara persoalan yang timbul ialah adakah fenomena burnout mampu berlaku secara konsisten di kalangan pelajar di Malaysia? Apakah faktor-faktor demografi tertentu dapat menentukan perbezaan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar? Adakah fenomena burnout mempunyai hubungan dengan sikap polychronic, orientasi matlamat akademik, locus kawalan diri dan demografi pelajar itu sendiri? Apakah bentuk hubungan yang wujud dan kekuatan hubungan tersebut? Jika wujud burnout di kalangan pelajar, apakah faktor yang paling mendominasi kewujudan burnout ini? Segala persoalan ini seharusnya dapat dijawab melalui kajian ini yang secara tidak langsung memberikan penambahan nilai dalam pengkajian berkaitan burnout.

1.5 Objektif Kajian

Bahagian ini akan memperbincangkan objektif-objektif yang diwujudkan bagi menjawab persoalan kajian sebelum ini. Ini meliputi objektif umum dan objektif khusus bagi kajian ini.

1.5.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar-pelajar sarjana, Kampus Induk Universiti Utara Malaysia.

1.5.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti perbezaan fenomena burnout berdasarkan ciri-ciri demografi terpilih.
2. Mengenal pasti perkaitan ciri-ciri demografi terpilih, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.
3. Mengenal pasti pembolehubah bebas yang paling mendominasi fenomena burnout di kalangan pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mampu membantu pihak pengurusan pendidikan sama ada institut pengajian tinggi mahupun pendidikan rendah memahami kewujudan fenomena ini di kalangan pelajar di institusi mereka. Ini penting kerana burnout adalah berkadar songsang dengan prestasi, yang jika tidak dibendung mampu menggugat prestasi organisasi, dan seterusnya memberikan kesan kerugian jangka panjang sama ada dalam bentuk material mahupun moral.

Kajian ini dapat membuka lembaran baru berkaitan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar. Perkara ini penting kerana jika fenomena berlaku kalangan pelajar, berdasarkan kajian-kajian seperti Cherniss (1980), Pines dan Aronson (1988) dan Schaufeli, Maslach & Marek (1993) dan sebagainya, kebarangkalian untuk pelajar-pelajar ini mengalami kemerosotan prestasi terhadap pendidikan mereka pasti berlaku. Keadaan ini akan menyebabkan proses pemindahan dan pengembangan ilmu di kalangan pelajar

akan terhakis dan seterusnya mewujudkan golongan pelajar lemah. Ini menjejaskan keinginan kerajaan untuk memiliki rakyat yang mempunyai kemampuan menguasai ekonomi berasaskan ilmu dan menjadikan ilmu sebagai satu komoditi setaraf dengan pusat-pusat ilmu di dunia seiring dengan pembangunan negara menghadapi globalisasi dan menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, pengkajian terhadap burnout di kalangan pelajar di Malaysia wajar dilakukan. Keadaan ini perlu dilihat sebagai suatu yang positif dalam usaha membendung dan mencegah kewujudannya di kalangan pelajar. Memandangkan pelajar merupakan aset negara yang bernilai, dan kegagalan yang dialami mereka disebabkan oleh pemasalahan burnout merupakan suatu kerugian kepada negara disebabkan fenomena ini mampu dikawal melalui langkah-langkah awal yang bersifat pencegahan. (Eliot, 2000)

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbeza dari kajian burnout yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Ini memandangkan kajian ini tidak memfokuskan kepada golongan berkerjaya, sebaliknya cuba mendalami golongan klien yang terdiri dari kalangan pelajar. Walaupun kajian ini di luar kebiasaan, sewajar hasil kajian memberikan kesan yang sama jika dinilai dari sudut psikologi manusia.

Kajian ini hanya melibatkan persoalan fenomena burnout iaitu merangkumi konsep yang ditengahkan oleh Pines dan Aronson (1988) iaitu melibatkan hubungan fenomena burnout dengan kelesuan fizikal, emosi dan mental. Konsep burnout dari

pengkaji-pengkaji yang lain akan dijadikan rujukan terhadap kemungkinan berlaku konflikasi dari hasil kajian ini.

Kajian turut membataskan pengkajian ini dengan hanya mengkaji pelajar-pelajar sarjana yang mendaftar bagi sesi semester Mei 2003/04 yang terdiri daripada 22 program. Rasional pengambilan pelajar sarjana sebagai populasi kajian adalah disebabkan oleh kepelbagaian variasi pendidikan dan demografi yang dapat memberikan gambaran jelas terhadap hasil yang akan diperbincangkan.

Kajian berhadapan dengan permasalahan untuk memperolehi maklumat dari data-data primer dan sekunder. Walau pun terdapat jurnal-jurnal dan buku-buku rujukan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, yang berkaitan dengan bidang kajian ini, namun jumlah koleksi adalah terhad. Penggunaan internet turut digunakan namun terdapat batasan dalam mengakses data disebabkan beberapa perkara di luar kemampuan pengkaji.

Kajian turut berhadapan dengan permasalahan kerjasama daripada responden yang terpilih. Antara permasalahan tersebut wujud responden yang enggan disoal selidik, tidak memulangkan semula borang soal selidik, tidak melengkapkan maklumat dan juga kewujudan responden yang telah menamatkan pengajian lebih awal dari yang dijangkakan.

1.8 Definisi Konsep

Bahagian ini akan memperbincangkan pendefinisan istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Istilah-istilah yang digunakan adalah meliputi istilah tahap kewujudan fenomena burnout, pelajar sarjana, demografi terpilih, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan.

- a. **Tahap kewujudan fenomena burnout:** Ukuran tahap kewujudan burnout adalah berdasarkan pengukuran *Burnout Measurement* yang diketengahkan oleh Pines dan Aronson (1988) yang meliputi kelesuan fizikal, emosi dan mental. Ini meliputi tafsiran skala yang dikeluarkan mempunyai empat tahap iaitu berkeadaan baik, mengalami tanda-tanda burnout, wujud burnout dan krisis burnout.
- b. **Pelajar sarjana:** Meliputi pelajar sarjana yang berdaftar bagi sesi semester Mei 2003/04 di kampus induk, Universiti Utara Malaysia. Pelajar-pelajar ini adalah terdiri daripada 22 program pengajian sarjana yang ditawarkan oleh Universiti Utara Malaysia, sama ada melalui pengajian secara kerja kursus, kerja kursus dan penyelidikan, atau penyelidikan penuh.
- c. **Demografi terpilih:** Ciri-ciri demografi adalah meliputi jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pelajar, status pekerjaan, jumlah jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus.

- d. **Sikap polychronic:** Kecenderungan seseorang itu untuk melakukan beberapa perkara atau kerja di dalam satu masa yang sama. Berlawanan dengan sikap *monochronic* iaitu melakukan satu kerja dalam satu masa. (Bluedorn, Kaufman dan Lane, 1992).

- e. **Orientasi matlamat akademik:** Kecenderungan atau motif seseorang pelajar dalam mengikut pengajiannya sama ada berasaskan kehendak untuk pembelajaran bagi memperolehi ilmu, atau kecenderungan untuk memperolehi prestasi bagi keputusan gred yang baik. (Hellriegel, Slocum dan Woodman, 2001).

- f. **Lokus kawalan:** Kawalan individu terhadap dirinya sama ada bersifat dalaman (*internal*) yang mempercayai sesuatu perkara itu mampu dilakukan dengan kemampuan diri atau bersifat luaran (*external*) yang mempercayai sesuatu perkara itu berlaku disebabkan persekitaran luaran seperti nasib, peluang dan kuasa orang lain. (Hampson, 1988).

1.9 Pengorganisasian Kajian

Kajian akan membahagikan pengkajian kepada 5 bahagian. Bab 1 telah diperbincangkan di bahagian ini. Bab 2 Pembentukan Teori dan Hipotesis; akan mengulas kajian-kajian lepas mencakupi matlamat kajian ini. Di bahagian ini juga akan memperbincangkan aspek kerangka teoritikal dan hipotesis yang diwujudkan berdasarkan ulasan yang dilakukan.

Bab 3 Metodologi Kajian akan membincangkan metodologi yang digunakan meliputi rekabentuk kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kajian rintis, kaedah pengutipan data dan penganalisan data. Bab 4 Dapatan dan Perbincangan akan membincangkan dapatan kajian yang meliputi penggunaan statistik deskriptif dan inferen terhadap data-data yang diperolehi. Perbincangan terhadap hasil dapatan akan turut dilakukan di bahagian ini.

Bab 5 Rumusan, Kesimpulan dan Cadangan akan memperbincangkan aspek pencapaian semua objektif di dalam kajian ini. Kesimpulan akan dilakukan berasaskan dapatan kajian. Implikasi dari hasil dapatan akan turut diperbincangkan di samping membuat cadangan terhadap organisasi dan juga terhadap penyelidikan akan datang.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulan, bab ini secara umumnya telah menjelaskan konsep kajian iniperkara-perkara berhubung isu pemasalahan yang menjadi teras kewujudan kajian ini, skop pengkajian, persoalan kajian, objektif, kepentingan, batasan dan definisi konsep yang digunakan di dalam kajian ini. Semua perkara yang dibincangkan ini merupakan dasar dan panduan yang digunakan di dalam bab-bab seterusnya.

BAB 2

PEMBENTUKAN TEORI DAN HIPOTESIS

2.1 Pengenalan

Setelah memperbincangkan pengenalan di bab sebelum ini dan mengetahui konsep dan objektif kajian, bab ini akan mengulas semula kajian-kajian dan penulisan-penulisan terdahulu. Secara khusus, bahagian ini akan membincangkan konsep burnout, faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena burnout; meliputi konsep sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan, dan pembentukan kerangka teoritikal.

2.2 Konsep Burnout

Kajian fenomena burnout atau dikenali sebagai 'ketandusan upaya' oleh Ng (1997) mula menjadi satu kajian yang penting dalam psikologi industri sejak terbitnya kajian secara klinikal oleh Freudenberger dalam tahun 1974. Menurut Pines & Aronson, (1988) burnout adalah suatu keadaan yang melibatkan kelesuan fizikal, emosi dan mental yang diakibatkan oleh penglibatan jangka masa panjang dalam situasi yang memerlukan penglibatan secara emosional. Schaufeli, Maslach dan Marek (1993) mendefinisikan burnout sebagai sindrom psikologi yang melibatkan kelesuan diri (*personal exhaustion*), depersonalisasi (*depersonalization*) dan penyusutan pencapaian hasrat diri (*reducing personal accomplishment*) yang dihadapi oleh individu-individu yang bekerja di dalam

sesuatu kapasiti. Ini turut dikenali oleh Ng (1997) sebagai kelesuan emosi, depersonalisasi dan penyusutan pencapaian hasrat diri. Barnett, Brennan dan Gareis (1999) merujuk burnout sebagai risiko kepada ketidakfungsian peribadi dan sikap negatif terhadap kerja. Cherniss (1980) merujuk burnout dalam bidang profesional sebagai suatu proses di mana sikap dan tingkahlaku profesional berubah kepada keadaan negatif hasil tindak balas terhadap aliran kerja. Barrick (1998) mendefinisikannya sebagai suatu keadaan merata disebabkan oleh stress pada tahap tinggi dan kepuasan kerja yang rendah.

Secara umum, tidak wujud satu definisi universal yang dapat menjelaskan erti sebenar fenomena burnout. Ini disebabkan oleh faktor perbezaan kajian lalu yang mengklasifikasikan definisi burnout mengikut kajian yang dijalankan (Maslach, Schaufeli dan Leiter, 2001). Konsep burnout yang menjadi pegangan di dalam kajian ini adalah konsep yang diketengahkan oleh Pines dan Aronson (1988). Menurut konsep ini, burnout wujud dalam tiga dimensi iaitu meliputi kelesuan fizikal (*physical exhaustion*), emosi (*emotional exhaustion*) dan mental (*mental exhaustion*) disebabkan oleh penglibatan secara jangka masa panjang dalam sesuatu situasi yang memerlukan penglibatan emosi yang tinggi.

Menjelaskan tentang tiga dimensi burnout yang dipelopori oleh Pines dan Aronson (1988), Schaufeli dan Enzmann (1998) menyatakan bahawa kelesuan fizikal dapat digambarkan melalui kekurangan tenaga, keletihan yang kronik, terlalu lemah dan pelbagai masalah fizikal dan psikosomatik. Kelesuan emosi pula adalah melibatkan perasaan ketidakupayaan, ketiadaan harapan dan rasa terperangkap, di mana di dalam kes-kes tertentu membawa kepada gangguan emosi. Kelesuan mental pula dirujuk kepada

pengwujudan sikap negatif terhadap diri sendiri, tugas dan juga kehidupan. Secara umumnya, konsep yang diketengahkan oleh Pines dan Aronson (1988) ini adalah bertujuan menilai burnout dari sudut keperibadian individu dari sudut fizikal, mental dan emosi.

Walau bagaimanapun, wujud satu konsep lain yang sering dijadikan rujukan dalam banyak kajian iaitu konsep Maslach dan Jackson dalam tahun 1986. Berbeza dengan konsep burnout sebelum ini, konsep ini dilihat lebih bertujuan mengenal pasti nilai personaliti tersendiri dan hubungan individu terhadap persekitarannya seperti tempat kerja dan kehidupan harian. Schaufeli, Maslach dan Marek (1993) memetik Maslach dan Jackson (1986) menyatakan bahawa burnout adalah sindrom kelesuan emosi (*emotional exhaustion*), depersonalisasi (*depersonalization*) dan penyusutan pencapaian diri (*reduced personal accomplishment*). Schaufeli dan Enzmann (1998) menjelaskan bahawa kelesuan emosi adalah dirujuk kepada pengurangan atau kekeringan sumber-sumber emosi; situasi individu secara psikologi merasa dirinya berada di penghujung upaya. Depersonalisasi pula adalah merujuk kepada pengwujudan sikap negatif, tidak berperasaan, dan bersikap sinis (*cynical*) terhadap orang-orang yang menerima perkhidmatannya. Penyusutan pencapaian diri pula adalah merujuk kepada kecenderungan untuk menilai tugas sendiri dalam keadaan negatif iaitu mempercayai bahawa sesuatu objektif kerjanya tidak akan tercapai, tugas yang dilakukan dirasakan tidak memuaskan dan rasa kekurangan dari sudut profesionalisme. Schaufeli dan Enzmann (1998) telah menyenaraikan sejumlah 132 simptom burnout yang meliputi tiga tingkat iaitu individu, interpersonal dan organisasi yang kesan negatifnya boleh dibahagikan kepada lima kelompok iaitu kesan terhadap efektif, kognitif, fizikal, tingkah laku dan motivasi.

Burnout adalah berkadar songsang dengan prestasi dalam pelbagai bidang mencakupi latar masa berbeza. Ini dapat dilihat melalui kajian Meritt (2001) di kalangan pengurus kelab, Low et. al (2001) di kalangan jurujual, Cherniss (1995) dan Cherniss (1980) di kalangan professional, Barrick (1989) di kalangan penyelia, dan Niehouse (1984) di kalangan pengurus. Pengkajian terhadap bidang perubatan turut menunjukkan keadaan yang sama seperti kajian Van Dierendonck, Schaufeli dan Buunk (1996) terhadap pakar terapi dan jururawat, Berg, Hanson dan Hallberg (1994) terhadap hubungan kreativiti dengan burnout di kalangan jururawat. Keadaan di dalam bidang pendidikan juga menunjukkan situasi yang serupa seperti kajian Slivar (2001) di kalangan pelajar yang berumur 15 hingga 18 tahun, Gmelch dan Gates (1998) terhadap pentadbir organisasi pendidikan, Whitaker (1996) terhadap pengetua sekolah dan Weisberg (1994) di kalangan guru sekolah menengah. Kajian Kop, Euwena dan Schaufeli (1999) turut memperlihatkan hasil yang sama di kalangan anggota polis di Netherland.

Keadaan ini menyebabkan burnout bersifat tersendiri walaupun elemen dan simptom yang dipunyainya mempunyai persamaan dengan jenis-jenis sindrom psikologi yang lain seperti stress dan kemurungan. Ini kerana burnout tidak dapat dijanakan untuk mewujudkan sifat-sifat positif sebagaimana *stress* yang pada tahap tertentu dapat dijadikan pemangkin kepada penyelesaian kelemahan yang wujud. Walaupun kajian Brenninkmeijer, Van Yperen dan Buunk (2001) yang mengatakan bahawa individu yang mengalami burnout akan berusaha mempertahankan status dan keunggulannya, namun keadaan ini adalah perbandingan dengan kemurungan (*depression*) yang sememangnya dalam keadaan putus asa dan ini tidak membuktikan kewujudan burnout sebagai berhubungan terus dengan peningkatan prestasi.

Kajian burnout menjadi suatu yang penting dalam dunia psikologi industri untuk mewujudkan langkah pencegahan. Ini kerana keadaannya yang bersifat songsang dengan prestasi mampu meruntuhkan kemampuan sebenar individu dan organisasi, seterusnya mampu menjejaskan masyarakat dan negara. Dalam aspek pendidikan, fenomena ini mampu memberikan kesan terhadap prestasi pelajar yang seterusnya merugikan pendidikan negara.

2.3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Fenomena Burnout

Kajian terhadap burnout dikaji sejak tahun 1974 selepas pendedahan Freudenberg melalui pemerhatian secara klinikal berkenaan keadaan yang wujud di kalangan pekerja-pekerja di New York. Banyak kajian telah dijalankan melibatkan pelbagai aspek terutamanya faktor demografi seperti jantina (Etzion dan Pines (1986), Pines dan Aronson (1988), Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001), Schaufeli dan Greenglass (2001) dan Zani dan Pietrantonio (2001)), usia (Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001), Schaufeli dan Enzmann (1998), Meritt (2001) dan Kop, Euwena dan Schaufeli (1999)), taraf perkahwinan (Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Schaufeli dan Enzmann (1998)) dan faktor-faktor demografi lain yang dibincangkan di dalam kajian ini.

Pencirian sikap polychronic dan monochronic (Kaufman-Scarborough dan Lindquist (1999 a), Benabou (1999) dan Kaufman, Lane dan Lindquist (1991)), orientasi matlamat akademik (Bell dan Kozlowski (2002) dan Vande Walle, Brown, Cron dan Slocum (1999) dan Phillip dan Gully (1997)) dan lokus kawalan (Glass dan McKnight (1996) di dalam Schaufeli dan Enzmann (1998), Lefcourt di dalam Robinson, Shaver dan Wrightman (1991)) memperlihatkan elemen-elemen yang mampu mewujudkan burnout

seperti yang telah dibincangkan sebelum ini yang melibatkan elemen kelesuan (Pines dan Aronson (1988) dan Schaufeli, Maslach dan Marek (1993)), konflik peranan (Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Gmelch dan Gates (1998)), stress dan kemurungan (Brenninkmeijer, Van Yperen dan Buunk (2001)), kesan terhadap efektif, kognitif, fizikal, tingkahlaku dan motivasi (Schaufeli dan Enzmann (1998)) dan sebagainya.

Bahagian yang seterusnya akan membincangkan hasil kajian penulisan berkenaan hubungan fenomena burnout dengan faktor-faktor yang dikaji di dalam kajian ini. Perbincangan ini adalah meliputi faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, status pekerjaan, konflik peranan dan budaya dan orientasi. Kajian terhadap konsep sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan akan turut dibincangkan. Bahagian ini turut membangunkan hipotesis-hipotesis yang akan dianalisis di dalam bab seterusnya.

2.3.1 Faktor-faktor Demografi

Bahagian ini memperbincangkan faktor-faktor demografi yang dikaji di dalam kajian ini. Faktor-faktor yang dibincangkan adalah jantina, umur, taraf perkahwinan, status pekerjaan, konflik peranan dan budaya dan orientasi.

a. Jantina

Pengkajian awal terhadap burnout berdasarkan faktor demografi jantina menunjukkan wujudnya perbezaan di antara lelaki dan wanita. Kajian Etzion dan Pines (1986) mendapati wanita adalah lebih terdedah kepada fenomena burnout. Ini dipersetujui

oleh Pines dan Aronson (1988) yang menyatakan bahawa dalam pengkajian terhadap burnout yang melibatkan kesan dan akibat di kalangan jantina, didapati bahawa wanita berada di dalam situasi yang tidak menguntungkan. Ini dikaitkan dengan suasana kerja yang mempunyai kekurangan dari sudut kebebasan, autonomi, pengaruh, pilihan, cabaran dan suasana kerja yang positif. Keadaan ini turut diperolehi dalam kajian Hudson (1998) di kalangan guru-guru pertanian di West Virginia, Amerika Syarikat.

Namun keadaan sebaliknya turut berlaku seperti kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Schaufeli dan Greenglass (2001) yang menyatakan bahawa jantina bukan lagi satu tafsiran yang kukuh dalam melihat perbezaan kewujudan burnout. Ini dipersetujui oleh Schaufeli dan Enzmann (1998) yang menyatakan bahawa hubungan antara burnout dan jantina adalah tidak begitu jelas. Ini dapat dilihat dalam kajian Kop, Euwema dan Schaufeli (1999) dan Van Dievendonck, Schaufeli dan Buunk (1996) yang mendapati keadaan adalah sama. Kajian Meritt (2001) terhadap pengurus mendapati bahawa lelaki lebih mengalami burnout berbanding wanita. Merujuk kepada kajian Schaufeli dan Greenglass (2001) berdasarkan pengkajian-pengkajian lalu telah mengenal pasti bahawa kewujudan perbezaan burnout yang cenderung kepada wanita adalah disebabkan oleh faktor majoriti jantina tersebut di dalam sesuatu bidang kerja seperti jururawat, pendidik dan pekerja sosial. Ini juga adalah disebabkan oleh tanggungjawab mereka terhadap tugas dan juga tanggungjawab di rumah yang dinyatakan oleh Pines dan Aronson (1988) sebagai konflik.

Dari sudut perbezaan pengaruh dimensi burnout terhadap jantina, kajian Zani dan Pietrantonio (2001) di kalangan profesional bidang kesihatan di rumah sakit jiwa di Itali mendapati lelaki lebih terdedah kepada dimensi burnout yang bercorak depersonalisasi

dan penyusutan pencapaian diri sementara wanita lebih cenderung kepada simptom somatik. Dalam hal ini, Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) mendapati burnout di kalangan lelaki adalah bercorak '*cynicism*' dan wanita lebih menjurus kepada kelesuan.

Pengkajian terhadap pelajar mendapati kewujudan fenomena burnout berdasarkan jantina turut memberikan situasi tidak tetap. Kajian Slivar (2001) mendapati bahawa pelajar perempuan lebih cenderung untuk burnout. Namun kajian Yazli (2003) mendapati tidak wujud perbezaan antara jantina terhadap kewujudan fenomena ini. Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan dapat dirumuskan bahawa kewujudan fenomena ini berdasarkan jantina berada dalam ketidaktentuan.

Untuk itu, pembentukan hipotesis bagi kajian ini berdasarkan perbincangan di atas adalah seperti berikut:

H_a 1: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (jantina).

b. Umur

Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Schaufeli dan Enzmann (1998) merumuskan bahawa umur adalah antara faktor yang paling konsisten terhadap burnout iaitu lebih muda umur seseorang itu lebih mudah terdedah kepada burnout berbanding mereka yang lebih berusia antara 30 hingga 40 tahun. Keadaan ini terjadi disebabkan faktor pengalaman (Maslach, Schaufeli dan Leiter, (2001)). Ini disokong dengan kajian Meritt (2001) terhadap pengurus dan Kop, Euwena dan Schaufeli (1999) terhadap

anggota polis Netherland yang mendapati usia muda lebih terdedah kepada burnout disebabkan faktor pengalaman. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak secocok dengan kajian Yazli (2003), Hudson (1998) dan Weisberg (1994) yang mendapati bahawa tidak wujud perbezaan dari sudut usia terhadap kewujudan fenomena burnout. Dengan ini bersandarkan kajian terhadap penulisan di atas dapat dinyatakan bahawa hubungan burnout dengan usia adalah tidak jelas.

Oleh yang demikian, berdasarkan pengkajian penulisan yang dibuat, hipotesis bagi aspek pengkajian ini adalah seperti berikut:

H_{a1}: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (umur).

H_{a2}: Wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (umur) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

c. Taraf Perkahwinan

Pengkajian terhadap taraf perkahwinan turut dikaji di dalam bidang burnout. Di dalam hal ini, Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) menyatakan seorang bujang terutama lelaki lebih terdedah kepada burnout berbanding lelaki yang berkahwin. Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Schaufeli dan Enzmann (1998) turut menyatakan bahawa lelaki yang tidak berkahwin lebih tinggi kadar burnout berbanding seorang duda. Namun kajian Yazli (2003) dan Hudson (1998) mendapati tidak wujud perbezaan terhadap taraf perkahwinan dengan burnout.

Oleh yang demikian, berdasarkan penyelidikan di atas, hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

H_{a1}: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (taraf perkahwinan dan bilangan anak).

H_{a2}: Wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (taraf perkahwinan dan bilangan anak) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

d. Status Pekerjaan

Pengkajian demografi status pekerjaan terhadap burnout dapat dilihat melalui hubungannya dengan taraf pendidikan. Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) menyatakan bahawa wujud kajian yang membuktikan lebih tinggi taraf pendidikan, lebih tinggi risiko untuk seseorang itu mengalami burnout. Namun keadaan ini dinyatakan wujud disebabkan oleh bebanan tanggungjawab yang diberi sesuai dengan taraf pendidikannya (Maslach, Schaufeli dan Lieter (2001), Schaufeli dan Enzmann (1998)). Namun kajian Yazli (2003) mendapati tidak wujud perkaitan antara status pekerjaan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. Ini turut didapati dalam kajian Rocca dan Kostanski (2001) di kalangan guru di Victoria, Australia di antara guru berjawatan tetap dan guru kontrak dengan burnout. Kajian Brenninkmeijer, Van Yperen dan Buunk (2001) terhadap guru-guru sekolah menengah di Netherland turut menunjukkan hasil yang sama terhadap status pekerjaan dan kekuasaan (*superiority*).

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian terhadap penulisan di atas, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H_{a1}: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (status pelajar dan status pekerjaan).

H_{a2} : Wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (status pekerjaan) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

e. Konflik Peranan

Konflik peranan (*role conflict*) atau kekaburan peranan (*role ambiguity*) di dalam menjalankan tugas, didapati mewujudkan hubungan yang sederhana hingga tinggi secara konsisten dengan burnout (Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001)). Gmelch dan Gates (1998) dalam kajian terhadap beberapa pengarah, mendapati bahawa ketidaktentuan autoriti dan matlamat mampu memberi kesan kepada burnout. Namun di dalam kajian Yazli (2003) didapati tidak wujud kekaburan peranan disebabkan oleh perbezaan jumlah jam kredit mahupun kursus yang diambil terhadap kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian penulisan bagi aspek yang dibincangkan ini, hipotesis yang dapat dibentuk adalah seperti berikut:

H_{a1}: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (jumlah jam kredit).

H_{a2} : Wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (jumlah jam kredit) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

f. Budaya dan Orientasi

Dalam kajian hubungan burnout merentas budaya (*cross-culture*) atau orientasi yang didedahkan, kajian Pines (2003) dan Enzion dan Pines (1986) menunjukkan perbezaan bangsa, budaya dan negara mewujudkan perbezaan hasil dalam kewujudan fenomena burnout. Keadaan ini juga dapat dirujuk kepada aspek kelainan orientasi pekerjaan atau perbezaan orientasi kursus yang didedahkan sama ada lebih bersifat teoritikal, teknikal atau praktikal. Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) merumuskan ciri-ciri kerja boleh menjadi penentu kewujudan burnout, namun perbezaan kerja juga turut menentukan perbezaan dalam dimensi-dimensi burnout dalam kadar yang berlainan.

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan hipotesis yang dapat dibentuk bagi kajian melibatkan aspek ini adalah seperti berikut:

H_{a 1}: Wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus).

H_{a2} : Wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus). dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

2.3.2 Konsep Sikap Polychronic

Kaufman-Scarborough dan Lindquist (1999 a), Kaufman-Scarborough dan Lindquist (1999 b) dan Bluedorn, Kaufman dan Lane (1992) secara asasnya mendefinisikan polychronic sebagai satu kelakuan yang dapat melakukan beberapa tugas di dalam suatu masa. Monochronic pula adalah kelakuan dalam melakukan satu tugas dalam satu masa.

Terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara kedua-dua kumpulan ini. Kaufman-Scarborough dan Lindquist (1999 a) menyatakan mereka yang selesa dengan penggunaan masa polychronic dikenali sebagai '*polychron*' lebih menggemari dan mampu untuk mengurus dan selesa dengan gangguan-gangguan dan aktiviti pelbagai punca berbanding mereka yang bersikap monochronic. Tingkahlaku polychronic di kalangan mereka juga dilihat lebih menyumbang kepada pencapaian pelbagai matlamat harian yang bersifat positif. Sementara, mereka yang bersifat monochronic dikenali sebagai '*monochron*', lebih mengharap kepada penumpuan satu aktiviti dalam satu masa; mereka dilihat lebih cenderung kepada perancangan yang ketat, penetapan masa, dan meletak keutamaan kepada kewajipan. Ini turut dinyatakan oleh Benabou (1999) iaitu:

"polychronic individuals are comfortable with several activities conducted simultaneously, attach less importance to procedures, prefer to organize work to suit themselves, and perceive the world in a less compartmentalized fashion than monochronic individuals easily explains the relationships that were found with routine, autonomy and separation between work time and `personal" time (family life or leisure)" (m.s. 264).

Van der Horst (1999) telah mengetengahkan carta yang dikeluarkan oleh Hall (1990) yang mengklasifikasikan ciri-ciri individu polychronic dan monochronic. Carta ini dapat dilihat dalam Jadual 2.1.

Kajian Kaufman, Lane dan Lindquist (1991) mendapati bahawa polychron tidak menghadapi masalah bebanan tugas dan mampu melakukan kombinasi beberapa tugas dalam satu masa. Kajian Benabou (1999) mendapati polychronic mempunyai hubungan negatif dengan penjadualan dan tempoh akhir (*deadline*), ketepatan waktu, rutin dan pemisahan antara waktu bekerja dengan waktu tidak bekerja.

Oleh yang demikian, berdasarkan pengkajian penulisan yang dibincangkan di atas, hipotesis yang dapat diwujudkan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

H_{a3}: Wujud perkaitan yang signifikan di antara sikap polychronic dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

2.3.3 Orientasi Matlamat Akademik

Orientasi matlamat akademik dapat dinyatakan sebagai kecenderungan seseorang pelajar terhadap pelajarannya. Di dalam hal ini terdapat dua kecenderungan yang wujud iaitu kecenderungan terhadap prestasi atau terhadap pembelajaran. Namun di dalam aspek kerjaya, orientasi matlamat adalah meliputi hal ehwal pembangunan sumber manusia dari aspek sama ada individu lebih berorientasi pembelajaran di dalam profesion disebabkan keinginan membangunkan diri dan kerjaya, atau lebih cenderung terhadap prestasi yang berkeinginan kepada ganjaran dan pengiktirafan. (VandeWalle, 2001)

Jadual 2.1: Klasifikasi Ciri-ciri Polychronic dan Monochronic

Polychronic	Monochronic
<ul style="list-style-type: none">• Melakukan banyak perkara dalam satu masa.• Berkemampuan tinggi untuk mengalih perhatian dan menerima gangguan.• '<i>High context</i>' dan telah mempunyai maklumat.• Komited kepada hubungan manusia.• Kerap dan mudah menukar rancangan.• Bersikap prihatin dengan mereka yang rapat (keluarga, rakan niaga yang rapat).• Meminjam dan berhutang dengan kerap dan mudah.• Kepantasan adalah berdasarkan hubungan yang terjalin.• Mempunyai kecenderungan untuk mewujudkan hubungan yang berpanjangan.	<ul style="list-style-type: none">• Melakukan satu perkara dalam satu masa.• Menumpukan kepada kerja.• '<i>Low context</i>' dan memerlukan maklumat.• Komited dalam kerja.• Patuh kepada perancangan.• Bersikap prihatin untuk tidak mengganggu orang lain; mengikut konsep privasi dan pertimbangan.• Memperlihatkan respon hormat kepada harta peribadi, jarang meminjam dan berhutang.• Menitik berat kepantasan.• Hubungan yang dijalin adalah untuk masa yang singkat.

Bell dan Kozlowski (2002) dan VandeWalle (2001) memberikan definisi 'orientasi matlamat pembelajaran' sebagai harapan kepada pembangunan kebolehan dalam memenuhi kemahiran baru dan mendalami situasi baru. 'Orientasi matlamat prestasi' pula adalah dirujuk harapan kepada demonstrasi dan kesahan kebolehan seseorang yang bertumpukan kepada pengadilan (pengiktirafan) yang diminati dan mengelakkan pengiktirafan yang negatif. VandeWalle (2001) memperlihatkan ciri-ciri tertentu kedua-dua golongan ini termasuklah konsep kepercayaan dan nilai; individu-individu yang mempunyai orientasi matlamat pembelajaran yang kuat berminat dalam membangunkan kemahiran dan kebolehan, mempercayai bahawa pembangunan sebegini adalah tidak mustahil. Sebaliknya individu-individu yang mempunyai orientasi matlamat prestasi yang kuat akan menghindari diri dari terlibat dalam matlamat yang mencabar disebabkan kebimbangan memberikan kesan yang tidak baik terhadap prestasi diri jika gagal mencapai matlamat.

VandeWalle (2001) merujuk kepada konsep kognitif, orientasi matlamat pembelajaran "*is associated with an incremental implicit theory-ability is view as a malleable attribute that can be develop with and persistence*" (m.s. 164). Orientasi matlamat prestasi "*is associated with an entity implicit theory- ability is viewed as a fixed, innate attribute that is difficult to develop*" (m.s. 164). Di dalam hal ini Bell dan Kozlowski (2002) menyatakan bahawa individu-individu berorientasikan pembelajaran berkecenderungan untuk mengikut corak yang dikenali sebagai 'corak tindak balas penyesuaian' (*adaptive respond pattern*) iaitu kesanggupan untuk berdepan dengan kegagalan, menggunakan strategi-strategi pembelajaran yang kompleks, dan kegiatan yang melibatkan benda dan tugas yang sukar dan mencabar. Sementara individu yang berorientasikan prestasi menurut Bell dan Kozlowski (2002) dan Vande Walle et. al

(1999), adalah dikaitkan dengan ‘corak tindak balas *maladaptive*’ (*maladaptive respond pattern*) iaitu kecenderungan tinggi untuk menyerah kalah (terutama dari aspek untuk berdepan dengan kegagalan), kurang berminat dengan tugas sukar dan lebih berminat dengan benda dan tugas yang kurang mencabar di mana kejayaan mudah diperolehi. Secara konsisten orientasi pembelajaran lebih dirujuk sebagai hasil yang positif dan orientasi pembelajaran dikaitkan dengan hasil yang negatif.

Perbezaan golongan berorientasi matlamat pembelajaran dan orientasi matlamat prestasi turut dapat dilihat melalui perbezaan maklum balas. Individu yang berorientasi matlamat pembelajaran menurut Vande Walle (2001) berkesanggupan untuk menerima dan mengimbas maklum balas sebagai suatu diagnosis maklumat yang berguna tentang perkembangan sesuatu perkara yang dilakukan, memperbetulkan kesilapan yang wujud dan melihat kepada kewujudan alternatif-alternatif di dalam pembentukan strategi. Individu yang berorientasikan matlamat prestasi pula dinyatakan Vande Walle (2001), melihat maklum balas sebagai suatu penilaian dan pengadilan terhadap keupayaan dan tahap kecekapan diri.

Bell dan Kozlowski (2002) dan Phillip dan Gully (1997) menunjukkan bahawa orientasi matlamat pembelajaran mempunyai hubungan positif dengan ‘*self-efficacy*’ sementara orientasi matlamat prestasi menunjukkan hubungan yang negatif. Vande Walle (2001) menyatakan bahawa orientasi matlamat pembelajaran mempunyai hubungan yang positif dengan sikap optimis (*optimism*) dan harapan (*hope*). Vande Walle et. al (1999) menunjukkan bahawa individu-individu orientasi pembelajaran dibandingkan dengan orientasi prestasi lebih terarah untuk menunjukkan corak sendiri yang lebih produktif dalam penilaian prestasi berkaitan kerja. Kajian Bell dan Kozlowski (2002) dan

mendapati bahawa orientasi pembelajaran memberikan hasil yang baik kepada individu yang mempunyai kebolehan yang tinggi (*higher-ability*) tetapi tidak efektif kepada individu yang mempunyai kebolehan yang rendah (*low-ability*). Kajian Colquitt dan Simmering (1998) mendapati bahawa orientasi pembelajaran mempunyai hubungan positif dengan harapan, valen (*valence*) dan motivasi untuk belajar dan keadaan sebaliknya berlaku kepada orientasi prestasi yang berhubungan negatif dengan harapan dan motivasi untuk belajar tetapi tidak mempunyai perkaitan dengan valen. Kajian Yazli, Kho, Azie, Wan Shukry dan Mohd Fauzwadi (2003) menunjukkan orientasi prestasi adalah berhubungan negatif dengan sikap proaktif di kalangan pelajar tahun akhir sarjana muda Universiti Utara Malaysia.

Secara ringkasnya, VandeWalle (2001) telah menyenaraikan ciri-ciri yang dipunyai oleh individu berorientasi matlamat pembelajaran:

- Bersikap proaktif dan bertindak untuk menyelesaikan masalah.
- Kreatif dan mempunyai pemikiran terbuka terhadap idea baru.
- Sanggup membangunkan kemahiran untuk meningkatkan permintaan tugas.
- Mengadaptasi persekitaran baru.
- Mahukan maklum balas yang efektif untuk meningkatkan prestasi berterusan.

Secara umumnya orientasi matlamat merupakan konsep untuk mengenal pasti kecenderungan individu di dalam sesuatu pekerjaan, sama ada lebih cenderung kepada pembelajaran yang pada masa yang sama mampu meningkatkan prestasi dan diri, atau

hanya memikirkan untuk memantapkan prestasi tanpa mahu merangka pelan tindakan untuk meningkatkan diri disebabkan kebimbangan terhadap kegagalan.

Oleh yang demikian, berdasarkan penyelidikan yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas, pembentukan hipotesis bagi bahagian ini adalah seperti berikut:

H_{a3}: Wujud perkaitan yang signifikan di antara orientasi matlamat akademik dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

2.3.4 Lokus Kawalan

Locus of Control atau Lokus Kawalan diperkenalkan oleh Rotter dalam tahun 1966 yang dikenali sebagai '*social learning theory*'. Jegede, Fan, Chan, Yum dan Taplin (1999) mendefinisikan lokus kawalan sebagai "*a person beliefs about control over life events and describes individual differences as well as predicts behaviour in organisational settings*" (m.s. 3). Lefcourt di dalam Robinson, Shaver dan Wrightman (1991) menyatakan bahawa lokus kawalan berkepentingan untuk menerang pernyataan tersirat kenapa segelintir orang bersifat aktif, berdaya tahan dan sanggup cuba menghadapi sebarang kemungkinan, sementara sesetengah orang pula tewas dalam lingkungan emosi yang negatif.

Jegede et. al (1999) menyatakan "*LOC beliefs can either be internal (the feeling of personal responsibility for the things that happen to a person) or external (the feelings that events in a person life are determined by forces beyond his/her control).*" (m.s. 3). Hampson (1988) menyatakan bahawa orang yang dikaitkan bersifat dalaman (*internal*)

percaya bahawa mereka bertanggungjawab terhadap matlamatnya, sementara orang yang dikaitkan dengan sifat luaran (*external*) percaya bahawa buruk baik sesuatu perkara itu berlaku ditentukan oleh nasib, peluang dan kuasa orang lain. Lefcourt di dalam Robinson, Shaver dan Wrightman (1991) menyatakan bahawa lokus kawalan adalah berkisar kepada kepercayaan bahawa individu berpegang kepada hubungan antara tindakan (*action*) dan hasil pulangan (*outcome*) iaitu secara umumnya lokus kawalan luaran dinyatakan sebagai kepercayaan iaitu sesuatu hasil pulangan yang diperolehi bukan disebabkan oleh keupayaan sendiri. Sementara di dalam konsep lokus kawalan dalaman, mempercayai bahawa sesuatu hasil pulangan adalah kesan kontigensi dari tindakan yang dilakukan.

Secara pencirian umum, Lefcourt di dalam Robinson, Shaver dan Wrightman (1991), mengklasifikasikan individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman sebagai seorang yang mengetahui nilai sesuatu matlamat dan berusaha untuk mencapainya, sentiasa mencari maklumat, berwaspada, melakukan keputusan secara tersendiri dan sentiasa berada dalam kesejahteraan. Sementara mereka yang mempunyai lokus kawalan luaran sering didapati mengalami tekanan, cemas dan kurang mampu menangani kehidupan yang mencabar.

Kajian Bradshaw dan Gilbrech (2002), menunjukkan bahawa lokus kawalan dalaman mempunyai hubungan yang positif dengan '*self-esteem*'. Sementara lokus kawalan luaran mempunyai hubungan yang negatif dengan *self-esteem*. Liu, Lavelle dan Andris (2002). membuktikan bahawa peserta yang mempunyai lokus kawalan dalaman menunjukkan kadar skor yang tinggi dalam melengkapkan kursus secara online berbanding lokus kawalan luaran. Glass dan McKnight (1996) di dalam Schaufeli dan


Enzmann (1998) menunjukkan hubungan positif antara hubungan lokus kawalan luaran dengan dimensi-dimensi burnout.

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis yang dapat dibentuk bagi kajian ini adalah seperti berikut:

H_{a3}: Tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

2.4 Kerangka Teoritikal

Bahagian ini memperbincangkan pembentukan kerangka teoritikal yang dibina berdasarkan penyelidikan terhadap kajian-kajian penulisan sebelum ini. Gambar Rajah 2.1 menerangkan bahawa faktor demografi, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan merupakan pembolehubah bebas di dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar untuk kajian ini adalah fenomena burnout.



Gambarajah 2.1: Kerangka Teoritikal

2.5 Kesimpulan

Secara umumnya bab ini mengulas dan membincangkan penyelidikan-penyelidikan lalu secara terperinci bersesuaian dengan isu dan konsep utama kajian ini. Kajian turut menjelaskan dimensi-dimensi yang dikaji seterusnya melakukan pembentukan hipotesis dan kerangka teoritikal. Bab yang seterusnya memperbincangkan pembentukan metodologi terhadap hipotesis-hipotesis yang dibentuk bagi memenuhi matlamat utama kajian iaitu untuk mengenal pasti kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Setelah dijelaskan secara terperinci berkenaan kajian-kajian lalu yang berkaitan dan melakukan pembentukan hipotesis dan kerangka teoritikal di Bab 2. Bab ini akan menerangkan bentuk metodologi yang digunakan bermula dengan proses rekabentuk kajian hingga kepada penganalisan data yang diperolehi. Untuk memudahkan penerangan, perbincangan akan meliputi rekabentuk kajian, populasi, sampel dan kaedah persampelan, instrumen dan pengukuran kajian, kajian rintis, kaedah pengutipan data dan penganalisan data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah bercorak kuantitatif yang menggunakan data-data statistik sebagai medium kajian. Rekabentuk utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan dan hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Rumusan kajian ini akan bergantung sepenuhnya kepada penggunaan data-data statistik di samping penggunaan dapatan-dapatan daripada kajian yang lalu sebagai hujah bagi menyokong keadaan hasil yang diperolehi.

3.3 Populasi

Populasi kajian ini adalah melibatkan pelajar-pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendaftar bagi semester Mei sesi 2003/2004 di kampus utama Universiti Utara Malaysia. Ini termasuklah pelajar sepenuh masa dan sambilan. Jumlah populasi pelajar-pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia ini adalah seramai 717 orang dari 22 program pengajian. Rasional pemilihan populasi ini adalah disebabkan pelajar-pelajar ini mempunyai demografi berbeza yang dapat mewujudkan kepelbagaian variasi terhadap hasil kajian. Selain itu, populasi ini merupakan kumpulan pelajar yang telah sedia teruji dalam semua peringkat pendidikan iaitu bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat sarjana yang sudah pasti mempunyai kemantapan dari sudut psikologi pembelajaran.

3.4 Sampel dan Kaedah Persampelan

Pengambilan sampel di dalam kajian ini adalah melibatkan pelajar-pelajar dari 22 program sarjana yang merupakan populasi bagi kajian ini. Jumlah populasi yang terlibat adalah seramai 717 orang berdasarkan pendaftaran pelajar sesi Mei 2003/04.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah rawak mudah dengan menggunakan jadual saiz sampel yang diterbitkan oleh Sekaran (2000). Berdasarkan jadual tersebut, sampel bagi kajian ini adalah seramai 254 orang yang dipilih dari kesemua program pengajian. Pemilihan responden bagi sampel ini dibuat secara adil menggunakan jadual rawak (*random table*) yang memberi kebarangkalian kepada semua anggota populasi untuk terpilih sebagai sampel di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun hasil

pengumpulan semula borang soal selidik, hanya seramai 106 orang atau 41 peratus responden sahaja yang memberikan maklum balas terhadap kajian ini.

3.5 Instrumen dan Pengukuran Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium perolehan data. Terdapat 55 item di dalam soal selidik ini yang dikendalikan di dalam bahasa Inggeris. Keputusan untuk menggunakan bahasa Inggeris di dalam borang soal selidik diambil selepas meneliti kemampuan responden dalam penguasaan bahasa ini dan kesukaran untuk menterjemahkan item-item, yang jika dilakukan boleh memberikan makna yang berlainan. Terdapat empat bahagian di dalam borang soal selidik ini meliputi Bahagian A: Demografi, Bahagian B: Pengukuran Burnout, Bahagian C: Indeks Sikap Polychronic, Bahagian D: Orientasi Matlamat Akademik dan Bahagian E: Lokus Kawalan Diri.

3.5.1 Bahagian A: Demografi

Bahagian ini adalah bertujuan mengumpul data-data yang berkaitan latar belakang responden. Terdapat 12 soalan yang dikemukakan (sila rujuk Appendix I) yang melibatkan soalan berkaitan jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, program yang diambil, jenis kursus, status pelajar, jam kredit secara terkumpul, jumlah jam kredit semester ini, jarak tempat tinggal dengan kampus, status pekerjaan dan posisi pekerjaan. Namun begitu dua soalan yang dikemukakan di dalam bahagian ini tidak diuji dan kewujudannya sekadar untuk meningkatkan keupayaan responden memberikan maklumat yang lebih tepat pada soalan yang berkaitan.

3.5.2 Bahagian B: Pengukuran Burnout

Bahagian ini mengandungi 21 item bermula dari item ke 13 hingga 33 (rujuk Appendix I) yang dikenali sebagai Burnout Measurement (BM) atau *Tedium* yang diperkenalkan oleh Pines dan Aronson (1988) untuk menguji fenomena burnout dari sudut kelesuan fizikal, kelesuan emosi, dan kelesuan mental. Kaedah pengukurannya adalah menggunakan skala Likert tujuh point iaitu dari 'never' (tidak) kepada 'always' (selalu). Kaedah pengukuran akan menggunakan sepenuhnya formula dan skala pengukuran sebagaimana yang dikemukakan oleh Pines dan Aronson (1988) untuk memastikan kewujudan fenomena ini di kalangan responden.

Jadual 3.1 : Tafsiran Pengukuran Burnout

Nilai Pengukuran	Penerangan
Bawah – 2.9	Berkeadaan baik
3.0 – 3.9	Tanda-tanda burnout
4.0 – 4.9	Wujud burnout
5 – ke atas	Krisis burnout

Kebolehpercayaan ujian pengukuran ini adalah tinggi iaitu Cronbach alpha di antara 0.91 hingga 0.93 (Pines dan Aronson, 1988). Bagi kajian ini Cronbach alpha adalah bernilai 0.77. Rasional penggunaan instrumen BM berbanding instrumen pengukuran standard burnout yang lain adalah disebabkan pengukuran ini bersifat universal iaitu tidak mewakili golongan atau kerjaya tertentu sahaja. Ini dinyatakan oleh Pines (2003) bahawa BM direka untuk kegunaan semua jenis pekerjaan dan juga bukan

pekerjaan. Kaedah pengukuran dapat dilihat di dalam Appendix II. Pentafsiran adalah seperti dalam Jadual 3.1 mengikut pendekatan Pines dan Aronson (1988).

3.5.3 Bahagian C: Indeks Sikap Polychronic

Bahagian ini mengandungi empat item bermula dari item 34 hingga 37 (rujuk Appendix I) yang akan menguji kewujudan sikap polychronic di kalangan responden. Kaedah pengukurannya adalah menggunakan skala Likert lima point iaitu dari '*strongly disagree*' (sangat tidak setuju) kepada '*strongly agree*' (sangat setuju), namun penilaian secara negatif dilakukan bagi soalan ke 34, 35 dan 36.

Ujian ini diketengahkan oleh Kaufman, Lane dan Lindquist (1991) dan Bluedorn, Kaufman dan Lane (1992). Kebolehpercayaan ujian ini adalah sekitar Cronbach alpha 0.79 dalam kajian Kaufman-Scarborough dan Lindquist (1999). Di dalam kajian ini nilai kebolehpercayaan adalah Cronbach alpha 0.67. Instrumen ini akan menggunakan formula pengukuran yang diketengahkan di dalam Appendix II untuk mengukur kewujudan sikap polychronic atau monochronic di kalangan responden ini. Hasil ujian ini akan digunakan untuk melihat hubungan sikap polychronic di kalangan responden dengan fenomena burnout. Pentafsiran adalah seperti di dalam Jadual 3.2 mengikut pengukuran yang dinyatakan oleh Kaufman, Lane dan Lindquist (1991) dan Bluedorn, Kaufman dan Lane (1992) dengan pengubahsuaian terhadap kewujudan elemen 'neutral' yang bernilai 3.00.

Jadual 3.2 : Tafsiran Pengukuran Index Sikap Polychronic (PAI)

Nilai Pengukuran	Penerangan
Bawah – 2.9	Orientasi sikap monochronic
3.00	Neutral
3.1 – atas	Orientasi sikap polychronic

3.5.4 Bahagian D: Orientasi Matlamat Akademik

Bahagian ini mengandungi lapan item yang bermula dari item 38 hingga 45 (sila rujuk Appendix I). Instrumen ini diadaptasikan dari VandeWalle, Cron dan Slocum (1999) di dalam Hellriegel, Slocum dan Woodman (2000) bertujuan untuk mengukur orientasi akademik pelajar sama ada berorientasikan pembelajaran atau berorientasikan prestasi. Kaedah pengukurannya adalah menggunakan skala Likert tujuh point iaitu dari dari ‘*strongly disagree*’ (sangat tidak setuju) kepada ‘*strongly agree*’ (sangat setuju). Nilai kebolehpercayaan Cronbach alpha bagi kajian ini adalah 0.56. Tafsiran instrumen ini akan berdasarkan Jadual 3.3 dan formula pengiraan dapat dilihat di dalam Appendix II.

Jadual 3.3 : Tafsiran Pengukuran Orientasi Akademik

Nilai Pengukuran	Penerangan
Nilai Positif (+)	Orientasi pembelajaran
Nilai Sifar (0)	Orientasi neutral
Nilai Negatif (-)	Orientasi prestasi

3.5.5 Bahagian E: Lokus Kawalan Diri

Bahagian ini mengandungi sepuluh item yang bermula dari item 46 hingga 55 di dalam borang soal selidik (sila rujuk Appendix I). Instrumen ini diketengahkan oleh Paulhus dalam tahun 1990 dan merupakan versi ketiga instrumen *Spheres of Control*. Instrumen diwujudkan untuk mengukur lokus kawalan sama ada bersifat luaran (*external*) atau bersifat dalaman (*internal*). Instrumen asal lokus kawalan diri ini mengandungi 30 item yang dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu Kawalan Personal (*Personal Control*), Kawalan Interpersonal (*Interpersonal Control*) dan Kawalan Sosio-Politik (*Socio-Political Control*). Di dalam kajian ini, hanya dimensi kawalan personal sahaja diambil dan dikaji disebabkan objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kecenderungan lokus kawalan responden. Faktor pemilihan instrumen ini disebabkan kebolehpercayaan bagi dimensi ini adalah pada Cronbach alpha 0.80 di dalam *Spheres Of Control (SOC) Inventory*, selain dari kesemua item kawalan personal adalah bersifat universal dan sesuai digunakan dalam budaya dan semantik lokasi kajian berbanding Skala Lokus Kawalan yang dikemukakan oleh Rotter dalam tahun 1963.

Kaedah pengukurannya adalah menggunakan skala Likert tujuh point iaitu dari 'strong disagree' (sangat tidak setuju) kepada 'strong agree' (sangat setuju). Nilai kebolehpercayaan Cronbach alpha bagi kajian ini adalah bernilai 0.58. Tafsiran instrumen ini akan berdasarkan Jadual 3.4 dan formula pengiraan dapat dirujuk di dalam Appendix II.

Jadual 3.4 : Tafsiran pengukuran Lokus Kawalan Diri

Nilai	Penerangan
1.00 – 3.99	Lokus Kawalan Luaran
4.00 – 7.00	Lokus Kawalan Dalaman

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan melibatkan 15 orang pelajar sarjana yang baru menamatkan pengajian atau tidak berdaftar dalam semester ini bertujuan menyelidik kefahaman pelajar terhadap struktur dan ayat-ayat di dalam borang soal selidik yang diterbit. Berdasarkan kajian rintis tersebut beberapa perubahan telah dibuat ke atas borang soal selidik tersebut merangkumi cadangan dan maklum balas dari responden kajian rintis ini.

Terdapat dua pengubahsuaian telah dilakukan terhadap instrumen Pengukuran Burnout. Pengubahsuaian adalah melibatkan item ke 27 dan 28. Item 27 iaitu '*Feeling disillusioned and resentful*' telah diubah kepada '*Feeling disappointed and angry*'. Item ke 28 pula telah diubah dari '*Being weak and susceptible to illness*' telah diubah kepada '*Being weak and easy to get illness*'. Pengubahsuaian ini dilakukan disebabkan faktor kurang pemahaman responden kajian rintis terhadap perkataan asal tersebut.

Pengubahsuaian turut dilakukan pada item ke 34 borang soal selidik bagi instrumen Indeks Sikap Polychronic. Penambahan perkataan telah dilakukan dari ayat asal iaitu '*I do not like to juggle several activities at the same time*' kepada '*I do not like to*

juggle/skip/hoping several activities at the same time'. Penambahan bagi item ini adalah disebabkan pemasalahan semantik di kalangan pelajar.

3.7 Kaedah Pengutipan Data

Pengedaran borang soal selidik dilakukan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar-pelajar sarjana yang menginap di kolej-kolej kediaman Universiti Utara Malaysia. Peringkat kedua, borang soal selidik diedarkan menggunakan '*pigeon hole*' Sekolah Siswazah selama sebulan. Pengumuman mengenai pengkajian ini dilakukan melalui poster bersama-sama senarai nama responden. Kaedah terakhir yang digunakan adalah menggunakan pos. Ini melibatkan responden-responden yang gagal dikesan setelah kedua-dua peringkat sebelum ini dilakukan.

3.8 Penganalisaan Data

Penganalisaan data untuk kajian ini menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) versi 11.5. Ujian-ujian statistik yang digunakan di dalam kajian ini adalah meliputi ujian-t, Analisis Varian Sehala (ANOVA), Kolerasi Pearson dan Regressi.

3.8.1 Ujian-t

Ujian-t digunakan di dalam kajian ini bagi menentukan perbezaan yang signifikan antara dua kategori di dalam kumpulan. Di dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk menguji dua kumpulan yang melibatkan jantina dan status pelajar terhadap kewujudan

burnout. Di dalam kajian ini ujian-t digunakan untuk mencari jawapan bagi objektif pertama kajian ini iaitu mengenal pasti perbezaan fenomena burnout berdasarkan ciri-ciri demografi terpilih (jantina dan status pelajar).

3.8.2 Ujian Analisis Varian Sehala (One- Way ANOVA)

Ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) digunakan untuk menguji pembolehubah yang mempunyai tiga atau lebih set data. ANOVA akan digunakan di dalam menguji faktor demografi iaitu umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, jarak tempat tinggal dengan kampus, status pekerjaan, program yang diambil dan jumlah jam kredit. Ujian ini digunakan bagi menjawab objektif pertama kajian ini iaitu mengenal pasti perbezaan fenomena burnout berdasarkan ciri-ciri demografi.

3.8.3 Pekali Kolerasi Pearson r

Menurut McBurney (2001), dan Howell (1992), kolerasi digunakan untuk mengukur perkaitan antara pembolehubah. Kolerasi Pearson r digunakan untuk mengukur darjah hubungan antara dua pembolehubah di dalam skala antara 0 hingga 1.00. Namun darjah hubungan antara pembolehubah juga boleh berlaku di dalam keadaan negatif iaitu antara 0 hingga - 1.00. Di dalam kajian ini, tafsiran McBurney (2001) di dalam Jadual 3.5 akan digunakan sebagai mengukur kekuatan perkaitan kolerasi ini. Walau bagaimanapun McBurney (2001) dan Gravetter dan Wallnau (1985) memberi penekanan bahawa kolerasi tidak dapat menyatakan hubungan antara punca-dan-kesan (*cause-and-effect*) antara dua pembolehubah. Di dalam kajian ini kolerasi Pearson r akan digunakan untuk menjawab objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti perkaitan ciri-ciri demografi terpilih,

sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Jadual 3.5: Tafsiran pekali kolerasi oleh McBurney (2001)

Nilai Pekali	Penerangan
0.81 atau lebih	Perkaitan yang kuat
0.61 – 0.80	Perkaitan yang sederhana kuat
0.41 – 0.60	Perkaitan yang sederhana
0.21 – 0.40	Perkaitan yang sederhana lemah
Kurang daripada 0.2	Perkaitan yang lemah

3.8.4 Analisis Regresi Berganda

Sebelum memulakan analisis regresi berganda, ujian normaliti dan ujian linearliti dilakukan bagi mengkaji kemungkinan kewujudan '*bias*' terhadap data-data yang diperolehi. Hasil ujian di Appendix III menunjukkan bahawa data-data yang diperolehi bersifat normal dan mempunyai sifat-sifat linearliti yang membolehkan data-data tersebut digunakan tanpa perlu dilakukan pemuliharaan semula data.

Di dalam kajian ini, analisis regresi berganda digunakan bagi memenuhi kehendak objektif akhir kajian iaitu mengenal pasti pembolehubah bebas yang paling mendominasi fenomena burnout di kalangan pelajar. Tujuan analisis ini adalah untuk menentukan faktor yang paling mendominasi/mempengaruhi kewujudan burnout di dalam kajian ini dan seterusnya menguji kebenaran model yang dibina.

BAB 4

DAPATAN HASIL DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian dari soal selidik yang telah dikumpul dan dianalisa. Perbincangan ini akan memenuhi semua kriteria yang meliputi kehendak objektif dan hipotesis yang dibentuk di dalam Bab 1 dan Bab 2, dan seterusnya menggunakan metodologi yang telah diperbincangkan di dalam Bab 3.

Untuk mempermudah dan memperincikan penerangan, bab ini akan membincangkan secara deskriptif taburan ciri-ciri demografi responden, taburan tafsiran fenomena burnout, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan. Penganalisaan menggunakan statistik inferens akan dilakukan dalam mengenal pasti perbezaan dengan menggunakan ujian-t dan Analisis Varian Sehala (ANOVA), mengenal pasti perkaitan dengan menggunakan Kolerasi Pearson r dan mengenal pasti faktor pembolehubah bebas yang paling mempengaruhi kewujudan fenomena burnout dengan ujian regresi.

4.2 Taburan Ciri-ciri Demografi Responden

Di bahagian ini analisis statistik diskriptif digunakan untuk meninjau keadaan ciri-ciri demografi terpilih responden di dalam kajian ini. Analisis ini meliputi deskriptif mengenai jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pelajar, status pekerjaan, jumlah jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus.

4.2.1 Jantina

Jadual 4.1, memperlihatkan pelajar perempuan menguasai 61.3 peratus dari semua responden. Keadaan ini menggambarkan situasi sebenar jumlah pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia yang mempunyai jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai daripada lelaki.

Jadual 4.1: Taburan responden berdasarkan jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	41	38.7
Perempuan	65	61.3
Jumlah	106	100

4.2.2 Umur

Berlandaskan Jadual 4.2 memperlihatkan jumlah terbesar responden adalah terdiri daripada kumpulan pelajar yang berusia 24 – 26 tahun iaitu 33 peratus sementara jumlah terkecil adalah dari kalangan kumpulan umur pelajar lebih dari 41 tahun iaitu 6.6 peratus. Keadaan ini menggambarkan trend terkini pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia iaitu ramai pelajar berusia muda iaitu bawah 27 tahun yang kebanyakannya baru menamatkan pengajian sarjana muda dan terus melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana.

Jadual 4.2: Taburan responden berdasarkan umur

Umur	Bilangan	Peratus
21 – 23 tahun	16	15.1
24 – 26 tahun	35	33.0
27 – 30 tahun	16	15.1
31 – 33 tahun	12	11.3
34 – 36 tahun	10	9.4
37 – 40 tahun	9	8.5
Lebih 41 tahun	7	6.6
Maklumat tidak lengkap	1	0.9
Jumlah	106	100.0

4.2.3 Taraf perkahwinan

Berdasarkan Jadual 4.3, taburan responden menunjukkan gambaran majoriti pelajar bujang adalah berjumlah 61 orang. Keadaan ini memperlihatkan situasi sebenar pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia iaitu lebih ramai pelajar yang tidak berkahwin terus menyambung pelajaran ke peringkat sarjana untuk mempertingkatkan status kerjaya di masa hadapan. Situasi ini juga mempunyai hubungan dengan faktor demografi umur pelajar yang muda yang mewujudkan jumlah pelajar yang tidak berkahwin lebih ramai dari pelajar yang berkahwin (merujuk Jadual 4.5).

Jadual 4.3: Taburan responden berdasarkan taraf perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Bilangan	Peratus
Bujang	61	57.5
Berkahwin	40	37.7
Bercerai	1	0.9
Maklumat tidak lengkap	4	3.8
Jumlah	106	100.0

4.2.4 Bilangan anak

Bersandarkan Jadual 4.4, keadaan taburan memperlihatkan hanya 39 orang pelajar sahaja yang mempunyai anak. Majoriti pelajar yang mempunyai anak seramai dua orang. Walau bagaimanapun, 63.2 peratus pelajar tidak mempunyai anak, iaitu berkaitan dengan

jumlah pelajar yang bujang, selain pelajar yang berkahwin tetapi belum dikurniakan zuriat.

Jadual 4.4: Taburan responden berdasarkan bilangan anak

Bilangan anak	Bilangan	Peratus
Tiada	67	63.2
1 orang	5	4.7
2 orang	16	15.1
3 orang	11	10.4
4 orang	6	5.7
5 orang	1	0.9
Jumlah	106	100.0

4.2.5 Status pelajar

Jadual 4.5, memperlihatkan majoriti bilangan pelajar berstatus sepenuh masa adalah sebanyak 62.3 peratus. Keadaan ini adalah gambaran situasi sebenar di Universiti Utara Malaysia, iaitu jumlah pelajar secara sepenuh masa adalah lebih ramai daripada pelajar sambilan. Trend ini turut mempunyai berkaitan dengan umur dan taraf perkahwinan pelajar yang memperlihatkan bilangan pelajar berstatus sepenuh masa adalah merupakan majoriti pelajar berusia 27 tahun ke bawah (berdasarkan Jadual 4.2) dan tidak berkahwin (berdasarkan Jadual 4.3).

Jadual 4.5: Taburan responden berdasarkan status pelajar

Status pelajar	Bilangan	Peratus
Sepenuh masa	66	62.3
Sambilan	39	36.8
Maklumat tidak lengkap	1	0.9
Jumlah	106	100.0

4.2.6 Status pekerjaan

Berdasarkan Jadual 4.6 menunjukkan majoriti pelajar adalah bekerja secara sepenuh masa iaitu 54.7 peratus. Keadaan adalah gambaran sebenar pelajar di Universiti Utara Malaysia iaitu wujud pelajar yang mempunyai pekerjaan tetap walaupun mengambil program sarjana sama ada secara sepenuh masa mahupun sambilan.

Jadual 4.6 Taburan responden berdasarkan status pekerjaan

Status pekerjaan	Bilangan	Peratus
Sepenuh masa	58	54.7
Sambilan	9	8.5
Tiada	36	34.0
Maklumat tidak lengkap	3	2.8
Jumlah	106	100.0

4.2.7 Jam kredit

Bersandarkan Jadual 4.7, taburan yang diperolehi memberikan gambaran bahawa kebanyakan pelajar mengambil kursus dalam sekitar 6 hingga 12 jam kredit. Keadaan ini adalah realiti yang berlaku di Universiti Utara Malaysia di kalangan pelajar sarjana, iaitu kebanyakan pelajar lebih gemar mengambil jumlah kursus mengikut kemampuan mereka di samping kehendak peraturan yang menetapkan jumlah jam kredit yang boleh diambil oleh pelajar sepenuh masa dan sambilan.

Jadual 4.7: Taburan responden berdasarkan jumlah jam kredit

Jumlah jam kredit	Bilangan	Peratus
3 jam kredit	3	2.8
6 jam kredit	31	29.2
9 jam kredit	27	25.5
12 jam kredit	30	28.3
15 jam kredit	9	8.5
Maklumat tidak lengkap	6	5.7
Jumlah	106	100.0

4.2.8 Program yang diambil

Jadual 4.8 memperlihatkan hanya pelajar 16 program dari 22 program sarjana berjaya disoal selidik. Selebih 6 program tidak berjaya diperolehi disebabkan gagal terpilih dalam pemilihan rawak bebas disebabkan jumlah pelajar yang terlalu sedikit atau

tidak memberikan respon dalam tempoh pengedaran dan pengumpulan borang soal selidik yang telah dijalankan. Dari dapatan kajian majoriti pelajar adalah terdiri dari pelajar Sarjana Sains (Pendidikan) iaitu 23.6 peratus. Secara umumnya keadaan ini menggambarkan situasi sebenar pelajar berdasarkan program yang diambil di Universiti Utara Malaysia.

Jadual 4.8: Taburan responden berdasarkan program yang diambil

Program	Bilangan	Peratus
M(Art)	2	1.9
MA (Coun. Psy)	2	1.9
MBA	23	21.7
MBA (Account)	3	2.8
MBA (Finance)	2	1.9
MBA (Pro Acct)	1	0.9
MBA (Touris)	2	1.9
MEC	1	0.9
MPM	5	4.7
MSc(Edu)	25	23.6
MSc (Finance)	6	5.7
MSc (ICT)	5	4.7
MSc (IKBS)	4	3.8
MSc (Int. Acct)	4	3.8
MSc (IT)	11	10.4
MSc (Mgmt)	10	9.4
Jumlah	106	100.0

4.2.9 Jenis kursus

Berlandaskan Jadual 4.9, menunjukkan majoriti pelajar mengikuti kursus yang mempunyai elemen kerja kursus dan tesis adalah sebanyak 58.5 peratus. Keadaan ini adalah disebabkan kebanyakan program sarjana menawarkan kursus yang mempunyai gabungan kerja kursus dan tesis berbanding semata-mata kerja kursus atau tesis sahaja.

Jadual 4.9: Taburan responden berdasarkan jenis kursus

Jenis kursus	Bilangan	Peratus
Kerja Kursus	42	39.6
Kerja Kursus & Tesis	62	58.5
Tesis	2	1.9
Jumlah	106	100.0

4.2.10 Jarak tempat tinggal dengan kampus

Berdasarkan Jadual 4.10, memperlihatkan majoriti pelajar tinggal dalam lingkungan 25 km dari kampus. Ini merupakan realiti di Universiti Utara Malaysia, iaitu pelajar-pelajar terutama pelajar sepenuh masa diberikan tempat tinggal di kolej kediaman di Universiti Utara Malaysia. Namun begitu terdapat pelajar yang berulang dalam jarak perjalanan yang jauh dalam mengikuti pengajian sarjana di universiti ini yang kebanyakannya adalah pelajar yang mempunyai pekerjaan dan mengambil program sarjana secara sambilan.

Jadual 4.10 Taburan responden berdasarkan jarak tempat tinggal dengan kampus

Jarak	Bilangan	Peratus
0 – 25 km	51	52.6
26 – 50 km	20	20.6
51 – 75 km	5	5.2
76 – 100 km	4	4.1
101 – 125 km	2	2.1
126 – 150 km	2	2.1
151 – 175 km	2	2.1
176 – 200 km	6	6.2
Lebih 201 km	5	5.2
Maklumat tidak lengkap	9	8.5
Jumlah	106	100

4.3. Taburan Tafsiran Fenomena Burnout, Sikap Polychronic, Orientasi Matlamat Akademik dan Lokus Kawalan

Dalam bahagian ini analisis telah menggunakan pengkaedahan ‘Instrumen Pengukuran Standard’ sebagai ujian personaliti terhadap responden yang terpilih. Instrumen pengukuran yang digunakan adalah Pengukuran Burnout, Indeks Sikap Polychronic, Orientasi Matlamat Akademik dan Lokus Kawalan Diri yang telah diperbincangkan di dalam Bab 3.

4.3.1 Taburan Tafsiran Fenomena Burnout

Jadual 4.11, memperlihatkan wujud fenomena burnout di kalangan pelajar dengan kadar 14.2 peratus. Selain itu wujud 1.8 peratus responden yang mengalami krisis burnout sementara 55.7 peratus menunjukkan tanda-tanda burnout berasaskan tafsiran Pines dan Aronson (1988). Keadaan ini secara tidak langsung membuktikan kewujudan burnout di kalangan pelajar sarjana dan seterusnya membuktikan burnout mampu wujud di kalangan klien.

Jadual 4.11 Taburan responden berdasarkan tafsiran fenomena burnout

Fenomena burnout	Bilangan	Peratus
Berkeadaan baik	30	28.3
Tanda-tanda burnout	59	55.7
Burnout	15	14.2
Krisis burnout	2	1.8
Jumlah	106	100

Kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Yazli (2003) yang dijalankan ke atas pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Pengurusan) dan kajian Slivar (2001). Keadaan ini membuktikan bahawa burnout mampu wujud di kalangan pelajar yang merupakan salah satu kumpulan dalam kategori klien.

4.3.2 Taburan Tafsiran Sikap Polychronic

Jadual 4.12, memperlihatkan majoriti pelajar iaitu 61.3 adalah bersifat monochronic iaitu bercenderung untuk melakukan satu tugas dalam satu masa. Sebaliknya hanya 27.4 peratus responden bersikap polychronic iaitu berkecenderungan untuk melakukan banyak tugas dalam satu masa.

Jadual 4.12 Taburan responden berdasarkan tafsiran sikap polychronic

Sikap polychronic	Bilangan	Peratus
Monochronic	65	61.3
Neutral	12	11.3
Polychronic	29	27.4
Jumlah	106	100

Hasil dapatan ini adalah selaras dengan kajian Yazli (2003) iaitu jumlah pelajar yang bersifat monochronic adalah lebih ramai dari pelajar polychronic. Berlandaskan dari dapatan kajian ini dan kajian Yazli (2003) dapat digambarkan bahawa majoriti pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia adalah bersifat monochronic iaitu menggemarkan aktiviti yang berjadual, tidak menggemari perubahan yang berlaku dan tidak gemarkan kewujudan tekanan yang mampu menggugat prestasi peribadi mereka. Keadaan ini jika dibanding secara analisis deskriptif mungkin disebabkan oleh pelajar yang dilihat dari sudut orientasi matlamat akademik yang lebih cenderung kepada prestasi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13; ini disebabkan orientasi prestasi mempunyai sikap seperti menghindari cabaran baru dan kurang bersikap proaktif (VandeWalle, 2001).

4.3.3 Tafsiran Tafsiran Orientasi Matlamat Akademik

Bersandarkan Jadual 4.13, hasil dapatan kajian mendapati majoriti responden adalah berorientasikan prestasi iaitu 65.1 peratus. Keadaan ini adalah selaras dengan kajian Yazli (2003) terhadap pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Pengurusan) dan Yazli et. al (2003) terhadap pelajar-pelajar sarjana muda tahun akhir.

Jadual 4.13 Taburan responden berdasarkan tafsiran orientasi matlamat akademik

Orientasi	Bilangan	Peratus
Prestasi	69	65.1
Neutral	7	6.6
Pembelajaran	30	28.3
Jumlah	106	100

Keadaan ini secara tidak langsung menggambarkan budaya pembelajaran pelajar Universiti Utara Malaysia yang berorientasikan prestasi. Keadaan ini bukan suatu situasi yang terbaik kepada pelajar mahupun Universiti Utara Malaysia memandangkan kajian VandeWalle (2001) mengklasifikasikan golongan berorientasikan prestasi akan menghindari cabaran yang besar disebabkan kebimbangan terhadap kemerosotan prestasi dalam sesuatu perkara. Keadaan ini secara analisis deskriptif adalah selaras dengan kajian terhadap polychronic yang memperlihatkan majoriti pelajar berkecenderungan terhadap monochronic seperti digambarkan di dalam Jadual 4.12; iaitu sikap yang kurang proaktif terhadap perubahan dan cabaran baru dan menggemari sesuatu yang rutin dan teratur (Van de Horst, 1999 dan Benobou, 1999).

4.3.4 Taburan Tafsiran Lokus Kawalan Diri

Berdasarkan Jadual 4.14 menggunakan tafsiran 'Personal' Spheres of Control memperlihatkan 98.2 peratus responden adalah bersifat dalaman. Keadaan ini memperlihatkan bahawa majoriti pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia mempunyai kawalan diri yang bersifat dalaman iaitu mempunyai keupayaan personaliti yang mantap dalam menjalani kehidupan harian. Situasi ini merupakan suatu yang baik memandangkan Hampson (1988) menyatakan bahawa orang bersifat dalaman percaya bahawa mereka bertanggungjawab terhadap matlamatnya. Secara umumnya, sewajarnya pelajar-pelajar di peringkat sarjana mempunyai kawalan diri bersifat dalaman memandangkan bebanan tugas dan kehendak program sarjana memerlukan pelajar mempunyai pemikiran terbuka yang bersifat universal dalam apa jua situasi sesuai dengan prestij pelajar yang bakal bergelar sarjana.

Jadual 4.14 Taburan responden berdasarkan tafsiran lokus kawalan diri

Lokus Kawalan Diri	Bilangan	Peratus
Luaran	4	3.8
Dalaman	102	98.2
Jumlah	106	100.0

4.4 Perbezaan Antara Ciri-ciri Demografi Terpilih dengan Fenomena Burnout

Di dalam bahagian ini, analisis statistik inferen perbandingan akan digunakan untuk menguji hipotesis:

H₀ 1: Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan faktor demografi terpilih (jantina, umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pelajar, status pekerjaan, jumlah jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus).

Dua kaedah ujian digunakan di dalam bahagian ini untuk menentukan perbezaan pembolehubah bebas iaitu demografi terpilih dengan pembolehubah bersandar iaitu fenomena burnout. Ujian-t digunakan untuk menguji pembolehubah demografi terpilih iaitu jantina dan status pelajar. Ujian Analisis Varian Sehala (ANOVA) akan digunakan terhadap pembolehubah demografi terpilih iaitu umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pekerjaan, jumlah jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus

4.4.1 Fenomena burnout berdasarkan jantina

Jadual 4.15 menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan jantina pada nilai t adalah 0.792 pada nilai $p = 0.376$. Hasil dapatan mendapati min bagi pelajar lelaki adalah 3.281 dan pelajar perempuan adalah 3.377.

Jadual 4.15: Keputusan ujian-t bagi fenomena burnout berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	p
Lelaki	41	3.281	0.680	0.792	0.376
Perempuan	65	3.377	0.782		

Bersandarkan kepada hasil dapatan tersebut, memperlihatkan di antara pelajar lelaki ($N = 41$) dan pelajar perempuan ($N = 65$) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap fenomena burnout. Ini dapat dinyatakan bahawa fenomena burnout mampu berlaku tanpa mengira jantina pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Dapatan ini secara tidak langsung menyangkal kajian Slivar (2001), Hudson (1998), Pines dan Aronson (1988) dan Etzion dan Pines (1986). Hasil dapatan bagi kajian ini telah menyokong dakwaan Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001), Schaufeli dan Enzmann (1998), Kop, Euwema dan Schaufeli (1999) dan sebagainya. Keadaan ini mungkin disebabkan pelajar tanpa mengira jantina mempunyai tanggungjawab yang sama dalam meraih kejayaan di dalam pendidikan. Tiada diskriminasi yang dilakukan oleh pihak universiti; iaitu peluang kejayaan di dalam akademik adalah sama dan mampu diraih bersama di antara jantina. Ini berbeza dengan sektor pekerjaan yang wujud tahap tertentu yang memberikan diskriminasi terhadap perbezaan jantina (Pines dan Aronson, 1988).

4.4.2 Fenomena burnout berdasarkan umur

Berdasarkan Jadual 4.16, dapatan Analisis Varian Sehalu (One-Way ANOVA) menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan umur. Kajian mendapati nilai $F = 0.539$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.777$.

Bertepatan dengan hasil kajian dapat dinyatakan bahawa perbezaan kumpulan umur tidak mewujudkan perbezaan kepada kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Dari hasil kajian ini dapat dinyatakan bahawa burnout mampu berlaku dalam semua peringkat umur sama ada berusia muda

mahupun lebih tua. Kajian ini adalah secocok dengan kajian Yazli (2003) dan Hudson (1998), sebaliknya menyangkal kajian yang dibuat oleh Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001), Schaufeli dan Enzmann (1998) dan Kop, Euwena dan Schaufeli (1999). Keadaan ini mungkin disebabkan tidak wujud diskriminasi oleh pihak universiti dalam memenuhi kehendak akademik pelajar, iaitu pelajar tanpa mengira umur dinilai prestasi akademik berdasarkan kemampuannya memenuhi objektif kursus melalui aktiviti pembelajaran yang dilakukan.

Jadual 4.16: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan umur.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	6	1.773	0.295	0.539	0.777
Dalam Kumpulan	98	53.692	0.548		
Jumlah	104	55.465			
DF:	Degree of Freedom	SS:	Sum of Squares	MS:	Mean Square

4.4.3 Fenomena burnout berdasarkan taraf perkahwinan

Jadual 4.17 menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara kewujudan fenomena burnout berdasarkan taraf perkahwinan. Kajian mendapati nilai $F = 0.397$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.674$

Jadual 4.17: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan taraf perkahwinan.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	2	0.446	0.223	0.397	0.674
Dalam Kumpulan	99	55.620	0.562		
Jumlah	101	56.065			

DF:	Degree of Freedom	SS:	Sum of Squares	MS:	Mean Square
-----	-------------------	-----	----------------	-----	-------------

Berlandaskan dapatan kajian dapat dinyatakan bahawa perbezaan taraf perkahwinan tidak menjadi penyebab kepada kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Ini bermakna di dalam kajian ini fenomena burnout berlaku tanpa mengira taraf perkahwinan seseorang pelajar. Hasil dapatan kajian secara tidak langsung telah menyangkal kajian yang dilakukan oleh Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Schaufeli dan Enzmann (1998). Keadaan ini mungkin disebabkan pelajar tanpa mengira taraf perkahwinan dinilai secara sama rata oleh pihak universiti dari sudut pencapaian akademik mereka.

4.4.4 Fenomena burnout berdasarkan bilangan anak

Berdasarkan Jadual 4.18, menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan bilangan anak. Kajian mendapati nilai $F = 1.220$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.305$.

Jadual 4.18: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan bilangan anak.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	5	3.326	0.665	1.220	0.305
Dalam Kumpulan	100	54.504	0.545		
Jumlah	105	57.830			

DF:	Degree of Freedom	SS:	Sum of Squares	MS:	Mean Square
-----	-------------------	-----	----------------	-----	-------------

Berlandaskan dapatan kajian dapat dinyatakan bahawa bilangan anak tidak memberi perbezaan kepada kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia; yang bermakna fenomena ini mampu berlaku sama ada pelajar mempunyai sedikit, ramai atau tidak langsung mempunyai anak. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan Yazli (2003), dan keadaan ini mungkin dapat dikaitkan dengan pembolehubah berdasarkan taraf perkahwinan dengan fenomena burnout.

4.4.5 Fenomena burnout berdasarkan status pelajar

Berlandaskan Jadual 4.19, dapatan ujian-t menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan status pelajar pada nilai t adalah 7.606 iaitu pada aras signifikan $p = 0.007$.

Bersandarkan kepada hasil dapatan tersebut, memperlihatkan di antara pelajar sepenuh masa ($N = 66$) dan pelajar sambilan ($N = 39$) menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap fenomena burnout. Dari dapatan kajian dapat dinyatakan bahawa

pelajar yang berstatus sepenuh masa lebih terdedah kepada gejala fenomena burnout. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian Rocca dan Konstanski (2001) di kalangan guru berjawatan tetap dengan jawatan kontrak; dan kajian Brenninkmeijer, Van Yperen dan Buunk (2001) berkenaan status pekerjaan. Keadaan ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar sepenuh masa disyaratkan mengambil jumlah jam kredit yang lebih banyak berbanding pelajar sambilan yang secara tidak langsung mewujudkan jumlah autoriti yang lebih ramai yang menyebabkan berlakunya kekaburan dan konflik terhadap tugas dan aktiviti yang dilakukan.

Jadual 4.19: Keputusan ujian-t bagi fenomena burnout berdasarkan status pelajar

Status pelajar	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	p
Sepenuh masa	66	3.358	0.597	7.606	0.007
Sambilan	39	3.296	0.950		

4.4.6 Fenomena burnout berdasarkan status pekerjaan

Jadual 4.20, analisis menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan status pekerjaan. Kajian mendapati nilai $F = 0.158$, pada nilai $p = 0.854$. Berlandaskan kepada dapatan kajian ini, dapat dinyatakan bahawa fenomena burnout mampu berlaku sama ada pelajar mempunyai pekerjaan yang tetap, sambilan mahupun tidak bekerja. Keadaan ini walaupun menyangkal kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Gmelch dan Gates (1998) berkenaan kekaburan peranan, ketidakpastian autoriti dan matlamat yang dinyatakan mampu mewujudkan fenomena burnout.

Jadual 4.20: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan status pekerjaan

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	2	0.179	0.090	0.158	0.854
Dalam Kumpulan	100	56.743	0.567		
Jumlah	102	56.922			

DF:	Degree of Freedom	SS:	Sum of Squares	MS:	Mean Square
-----	-------------------	-----	----------------	-----	-------------

4.4.7 Fenomena burnout berdasarkan jam kredit

Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) pada Jadual 4.21 menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan jam kredit. Kajian mendapati nilai $F = 0.388$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.817$.

Jadual 4.21: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jam kredit.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	4	1.356	0.229	0.388	0.817
Dalam Kumpulan	95	55.633	0.590		
Jumlah	99	56.989			

DF:	Degree of Freedom	SS:	Sum of Squares	MS:	Mean Square
-----	-------------------	-----	----------------	-----	-------------

Berpandukan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa perbezaan jumlah jam kredit yang diambil pelajar tidak mewujudkan perbezaan kepada kewujudan fenomena burnout; namun fenomena ini mampu berlaku sama ada pelajar mengambil sedikit atau banyak kelas yang dikendalikan oleh pensyarah yang berbeza. Dapatan ini menyangkal kajian Gmelch dan Gates (1998) yang menyatakan ketidaktentuan autoriti mampu memberikan kesan kepada kewujudan fenomena burnout.

4.4.8 Fenomena burnout berdasarkan program yang diambil

Berpandukan Jadual 4.22, Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) memaparkan dapatan kajian iaitu tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan program yang diambil. Kajian mendapati nilai $F = 1.188$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.295$.

Jadual 4.22: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan program yang diambil.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	15	9.558	0.637	1.188	0.296
Dalam Kumpulan	90	48.272	0.536		
Jumlah	105	57.830			

DF: Degree of Freedom SS: Sum of Squares MS: Mean Square

Bersandarkan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa perbezaan program-program tertentu yang diambil oleh pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia, tidak

menyumbang kepada perbezaan kewujudan fenomena burnout di kalangan mereka. Dapatan ini juga secara tidak langsung menyangkal kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) iaitu ciri-ciri kerja boleh menentu kepada kewujudan fenomena burnout. Di dalam hal ini, dapat dinyatakan bahawa pendekatan pendidikan yang digunakan di Universiti Utara Malaysia tidak memberikan kesan kepada kewujudan burnout tetapi fenomena ini mungkin dapat berlaku disebabkan ketidakmampuan pelajar untuk mengasimilasikan pendekatan pembelajaran yang berubah dari satu kelas ke satu kelas yang lain yang dapat dikaitkan dengan sikap monochronic (Jadual 4.12) dan orientasi pembelajaran bercorak prestasi (Jadual 4.13) yang tidak gemarkan perubahan dalam sesuatu aktiviti.

4.4.9 Fenomena burnout berdasarkan jenis kursus

Jadual 4.23 menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan jenis kursus. Kajian mendapati nilai $F = 0.153$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.858$.

Jadual 4.23: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jenis kursus.

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	<u>p</u>
Antara Kumpulan	2	0.171	0.086	0.153	0.858
Dalam Kumpulan	103	57.659	0.560		
Jumlah	105	57.830			

DF: Degree of Freedom SS: Sum of Squares MS: Mean Square

Berlandaskan kepada hasil dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa perbezaan jenis kursus sama ada kerja kursus, tesis atau gabungan kerja kursus dan tesis tidak mewujudkan perbezaan terhadap kewujudan fenomena ini di kalangan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia; bermakna fenomena burnout mampu berlaku dalam apa jua jenis kursus yang diambil. Dapatan ini secara tidak langsung menyangkal kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) iaitu ciri-ciri kerja boleh menjadi penentu kepada kewujudan fenomena burnout. Hujah yang dapat diberikan adalah bersamaan dengan hujah yang dibincangkan di dalam perkara 4.4.8.

4.4.10 Fenomena burnout berdasarkan jarak tempat tinggal dengan kampus

Hasil dapat pada Jadual 4.24, menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara fenomena burnout berdasarkan jarak tempat tinggal dengan kampus. Kajian mendapati nilai $F = 1.320$ yang tidak signifikan pada nilai $p = 0.170$.

Jadual 4.24: Keputusan ujian Analisis Varian Sehala (One-Way ANOVA) ke atas fenomena burnout berdasarkan jarak tempat dengan kampus

Pembolehubah Bersandar : Fenomena burnout					
Sumber	<u>DF</u>	<u>SS</u>	<u>MS</u>	<u>Nilai F</u>	p
Antara Kumpulan	34	22.779	0.670	1.320	0.170
Dalam Kumpulan	62	31.475	0.580		
Jumlah	96	54.255			

DF: Degree of Freedom SS: Sum of Squares MS: Mean Square

Berpandukan kepada dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa perbezaan jarak tempat tinggal tidak mewujudkan perbezaan kewujudan fenomena ini di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia; bermakna fenomena ini mampu berlaku dalam apa jua jarak di antara tempat tinggal pelajar dengan kampus. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Yazli (2003) yang mendapati hasil yang sama di kalangan pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Pengurusan).

4.5 Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Ciri-ciri Demografi

Kaedah pengujian yang digunakan di dalam bahagian ini mengguna statistik inferen kolerasi Pearson sebagai penguji perkaitan. Tafsiran kolerasi ini akan menggunakan tafsiran McBurney (2001) bagi mengukur kekuatan hubungan yang wujud antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang diuji.

Di dalam bahagian ini, analisis statistik inferen perkaitan akan digunakan untuk menguji hipotesis:

H_{02} : Tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (umur, taraf perkahwinan, bilangan anak, status pekerjaan, jam kredit, program yang diambil, jenis kursus dan jarak tempat tinggal dengan kampus) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

4.5.1 Perkaitan faktor demografi terpilih (umur) dengan fenomena burnout.

Berpandukan Jadual 4.25 menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (umur) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = - 0.125$, pada aras $p = 0.203$. Tafsiran perkaitan mendapati hubungan yang wujud adalah secara negatif yang lemah.

Jadual 4.25: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan umur

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Umur	- 0.125	0.203

Berdasarkan kepada dapatan kajian, dapat dibayangkan bahawa pembolehubah umur adalah berhubungan secara negatif dengan dengan fenomena burnout. Di dalam hal ini, keadaan boleh digambarkan semakin tinggi umur seseorang pelajar itu semakin rendah kadar burnoutnya. Kajian ini adalah selaras dengan kajian Yazli (2003), Kop, Euwena dan Schaufeli (1999) dan Schaufeli dan Enzmann (1998). Keadaan ini mungkin disebabkan majoriti pelajar berusia muda adalah pelajar sepenuh masa yang mempunyai tanggungjawab terhadap aktiviti pembelajaran yang lebih berbanding pelajar berusia yang kebanyakannya adalah pelajar sambilan.

4.5.2 Perkaitan faktor demografi terpilih (taraf perkahwinan) dengan fenomena burnout.

Berdasarkan Jadual 4.26, keputusan pekali kolerasi Pearson menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (taraf perkahwinan) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = -0.010$, pada aras $p = 0.922$. Tafsiran McBurney (2001) mendapati perkaitan yang wujud adalah secara negatif yang lemah.

Jadual 4.26: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan taraf perkahwinan

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Taraf perkahwinan	- 0.010	0.922

Merujuk kepada dapatan kajian, dapat digambarkan bahawa taraf perkahwinan adalah berhubungan secara negatif dengan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia. Ini bermakna pelajar yang berkahwin akan kurang menghadapi fenomena burnout berbanding pelajar bujang. Keadaan ini adalah selaras dengan dapatan kajian Yazli (2003), Schaufeli dan Enzmann, Golembewski (1993) dan Pines dan Aronson (1988). Secara rasional, keadaan ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar yang berkahwin lebih bertanggungjawab disebabkan kesedaran kepada keperluan mereka untuk berjaya demi kebaikan keluarga dan menerima sokongan moral daripada keluarganya; berbanding pelajar bujang yang tidak mempunyai tanggungjawab terhadap

keperluan keluarga dan tidak mempunyai sokongan moral yang dapat memantapkan psikologi yang positif.

4.5.3 Perkaitan faktor demografi terpilih (bilangan anak) dengan fenomena burnout.

Hasil dapatan di dalam Jadual 4.27 memaparkan keputusan yang menunjukkan tidak wujud perkaitan dengan pembolehubah yang diperbincangkan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = - 0.135$, pada aras $p = 0.167$. Tafsiran perkaitan McBurney (2001) juga mendapati perkaitan yang wujud adalah bersifat secara negatif yang lemah.

Jadual 4.27: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan bilangan anak

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Bilangan anak	- 0.135	0.167

Bersandarkan dapatan kajian, dapat digambarkan bahawa fenomena burnout adalah berhubungan secara negatif dengan bilangan anak. Ini dapat dirumuskan bahawa kewujudan anak mampu membantu mengurangkan fenomena burnout dan dapat dinyatakan hasil dapatan ini ada kaitannya dengan pembolehubah taraf perkahwinan pelajar di Jadual 4.26. Kajian ini adalah selaras dengan kajian Yazli (2003) terhadap pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Pengurusan) dan kajian-kajian

berhubungan dengan taraf perkahwinan seperti Schaufeli dan Enzmann, Golembewski (1993) dan Pines dan Aronson (1988).

4.5.4 Perkaitan faktor demografi terpilih (status pekerjaan) dengan fenomena burnout

Berdasarkan Jadual 4.28, keputusan pekali kolerasi Pearson menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (status pekerjaan) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = 0.007$, pada aras $p = 0.942$. Tafsiran hubungan mendapati perkaitan yang wujud adalah secara positif yang lemah.

Jadual 4.28: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan status pekerjaan

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Status pekerjaan	0.007	0.942

Sehubungan dengan dapatan kajian dinyatakan bahawa fenomena burnout adalah berhubungan secara positif dengan status pekerjaan. Ini bermakna pelajar yang mempunyai pekerjaan lebih terdedah kepada fenomena burnout. Keadaan ini adalah selaras dengan dapatan Yazli (2003). Secara rasionalnya, pelajar yang mempunyai pekerjaan akan lebih terdedah kepada burnout dan keadaan ini mungkin disebabkan oleh konflik dan kekaburan peranan serta ketidaktentuan autoriti seperti yang dinyatakan oleh Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Gmelch dan Gates (1998).

4.5.5 Perkaitan faktor demografi terpilih (jam kredit) dengan fenomena burnout.

Jadual 4.29 menunjukkan keputusan pekali kolerasi Pearson yang tiada perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (jam kredit) dengan fenomena burnout pada nilai $r = 0.102$, pada aras $p = 0.314$. Tafsiran perkaitan mendapati wujud dalam keadaan secara positif yang lemah.

Jadual 4.29: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jam kredit

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Jam kredit	0.102	0.314

Daripada dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa pembolehubah iaitu jam kredit adalah berhubungan secara positif dengan fenomena burnout. Ini bermakna wujud kebarangkalian iaitu jika jam kredit meningkat, burnout akan turut meningkat dan begitu juga sebaliknya. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) dan Gmelch dan Gates (1998) iaitu konflik dan kekaburan peranan mempunyai hubungan konsisten dengan burnout; iaitu di dalam kajian ini lebih banyak jam kredit yang diambil, bermakna lebih ramai pensyarah (autoriti). Keadaan ini akan memberikan bebanan kepada pelajar iaitu pelajar perlu memenuhi kehendak dan matlamat yang berbeza bagi melengkapkan objektif kursus yang diambil.

4.5.6 Perkaitan faktor demografi terpilih (program yang diambil) dengan fenomena burnout.

Bersandarkan Jadual 4.30, keputusan pekali kolerasi Pearson menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (program yang diambil) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. Tafsiran berdasarkan McBurney (2001) mendapati perkaitan yang wujud adalah secara positif yang lemah.

Jadual 4.30: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan program yang diambil

Pembolehkan Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Program yang diambil	0.013	0.894

Berlandaskan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia adalah berhubungan secara positif dengan program yang diambil. Ini bermakna wujud kesukaran di antara program-program yang ditawarkan di Universiti Utara Malaysia sehingga mampu mewujudkan fenomena burnout. Keadaan ini wajar berlaku disebabkan Universiti Utara Malaysia menawarkan program berasaskan sains dan sastera yang darjah kesukarannya adalah berbeza-beza mengikut kehendak objektif program di samping kemampuan pelajar adalah terhad dan berbeza-beza antara satu sama lain. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan Maslach, Schaufeli dan Leiter (2001) yang menyatakan bahawa ciri-ciri kerja boleh menjadi penentuan kepada kewujudan burnout.

4.5.7 Perkaitan faktor demografi terpilih (jenis kursus) dengan fenomena burnout.

Jadual 4.31 menunjukkan keputusan pekali kolerasi Pearson yang tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (jenis kursus) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = -0.035$, pada aras $p = 0.719$. Tafsiran perkaitan mendapati hubungan yang wujud adalah secara negatif yang lemah.

Jadual 4.31: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jenis kursus

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Jenis kursus	- 0.035	0.719

Bersandarkan kepada keputusan kajian, dapat dinyatakan bahawa fenomena burnout berhubungan secara negatif dengan jenis kursus yang diambil pelajar. Ini bermakna wujud jenis kursus yang mampu mengurangkan kewujudan fenomena burnout dan sebaliknya juga boleh menyebabkan fenomena burnout berlaku jika jenis kursus tertentu dipraktikkan. Keadaan ini ini adalah selaras dengan Pines (2003) dan Enzion dan Pines (1986) yang menyatakan bahawa perbezaan budaya; di dalam konteks ini perbezaan orientasi mampu wujud dan tidak mewujudkan burnout.

4.5.8 Perkaitan faktor demografi terpilih (jarak tempat tinggal dengan kampus) dengan fenomena burnout.

Berdasarkan Jadual 4.32, keputusan pekali kolerasi Pearson menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara faktor demografi terpilih (jarak tempat tinggal dengan kampus) dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = -0.025$, pada aras $p = 0.807$. Tafsiran McBurney (2001) mendapati perkaitan yang wujud adalah secara negatif yang lemah.

Jadual 4.32: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan jarak tempat tinggal dengan kampus

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Jarak tempat tinggal	- 0.025	0.807

Berpandukan kepada hasil kajian, jarak tempat tinggal dengan kampus adalah berhubungan secara negatif dengan fenomena burnout. Keadaan ini adalah bersamaan dengan kajian Yazli (2003), iaitu lebih jauh jarak perjalanan lebih kurang kebarangkalian pelajar untuk burnout. Dapatan kajian ini agak membingungkan disebabkan kewajaran jarak jauh perjalanan akan lebih memberikan kesan kepada kewujudan burnout. Namun jika dikaji perbezaan status pelajar pada Jadual 4.19, didapati wujud perbezaan; iaitu pelajar sepenuh masa lebih mengalami fenomena burnout berbanding pelajar sambilan (merujuk kepada Jadual 4.19). Oleh yang demikian, hasil dapatan ini dapat diterima, memandangkan dalam situasi sebenar majoriti pelajar sepenuh masa yang lebih terdedah kepada burnout tinggal lebih dekat dengan kampus berbanding pelajar sambilan.

4.6 Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Sikap Polychronic

Di dalam bahagian ini, analisis statistik inferen perkaitan akan digunakan untuk menguji hipotesis:

H₀3: Tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara sikap polychronic dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.33, keputusan pekali kolerasi menunjukkan tidak wujud perkaitan yang signifikan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. Tafsiran mendapati perkaitan yang wujud adalah secara positif tetapi sederhana lemah.

Jadual 4.33: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan sikap polychronic

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Sikap polychronic	0.340	0.729

Berpandukan dapatan kajian, dapat dinyatakan bahawa sikap polychronic adalah berkadar positif dengan fenomena burnout, namun jika dikaji dari sudut taburan responden dengan sikap polychronic, didapati majoriti pelajar adalah monochron. Oleh yang demikian dapat dirumuskan bahawa sikap monochronic adalah berkadar positif dengan fenomena burnout. Namun kajian ini adalah bertentangan dengan kajian Yazli (2003) yang mendapati hubungan tidak signifikan berkeadaan sama dengan kajian ini iaitu majoriti pelajar adalah monochronic namun dapatan hubungan adalah bersifat

negatif. Oleh yang demikian kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan untuk menentukan kedudukan sebenar hubungan ini. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini, dapat dinyatakan bahawa sama ada pelajar bersikap polychronic atau monochronic, burnout masih dapat berlaku disebabkan sifat fenomena burnout yang berlaku dalam banyak situasi sama ada positif mahupun negatif.

4.7 Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Orientasi Matlamat Akademik

Di dalam bahagian ini, analisis statistik inferen perkaitan digunakan untuk menguji hipotesis:

H₀3: Tidak wujud perkaitan yang signifikan di antara orientasi matlamat akademik dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Jadual 4.34, menunjukkan keputusan kolerasi menerima penyataan hipotesis di atas. Berdasarkan tafsiran didapati perkaitan hubungan yang wujud adalah secara positif tetapi lemah.

Jadual 4.34: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan orientasi matlamat akademik

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Orientasi Matlamat Akademik	0.065	0.510

Berdasarkan hasil dapatan ini, dapat digambarkan bahawa fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana adalah berhubungan secara positif dengan orientasi matlamat akademik; di dalam hal ini majoriti pelajar adalah berorientasikan prestasi. Oleh yang demikian dapat dinyatakan bahawa orientasi prestasi adalah berhubungan positif dengan dengan kewujudan fenomena burnout. Ini bermakna lebih tinggi orientasi prestasi seseorang pelajar kebarangkalian pelajar untuk mengalami burnout adalah tinggi. Keadaan ini adalah selaras dengan dapatan kajian Yazli (2003). Secara rasional orientasi prestasi sering dikaitkan dengan sikap negatif berdasarkan kajian Bell dan Kozlowski (2002), dan hubungannya yang positif dengan burnout membuktikan kebenaran hasil dapatan ini.

4.8 Perkaitan Antara Fenomena Burnout dengan Lokus Kawalan

Pengkajian yang seterusnya akan menganalisa statistik inferen perkaitan digunakan bagi menguji hipotesis:

H₀₃: Wujud perkaitan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.35, keputusan pekali kolerasi Pearson menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar pada nilai $r = -0.468$, pada aras $p = 0.000$. Tafsiran perkaitan McBurney (2001) mendapati perkaitan yang wujud adalah secara negatif tetapi sederhana.

Jadual 4.35: Keputusan ujian kolerasi Pearson r di antara fenomena burnout dengan lokus kawalan

Pembolehubah Bebas	Fenomena Burnout	
	r	p
Lokus Kawalan	-0.468*	0.000

* kolerasi mempunyai signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

Berpandukan dapatan kajian, dapat digambarkan bahawa fenomena burnout adalah berhubungan secara signifikan yang negatif. Ini bermakna apabila lokus kawalan menurun, burnout akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Keadaan ini berasaskan majoriti pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia mempunyai lokus kawalan dalaman (sila rujuk Jadual 4.14) iaitu mereka mampu mengawal situasi dan mempunyai konsep diri yang positif; bermakna mereka mampu menangani permasalahan burnout yang sentiasa bersifat negatif dalam pelbagai situasi. Kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Glass dan McKnight (1996) di dalam Schaufeli dan Enzmann (1998) yang mendapati lokus kawalan luaran berhubungan positif dengan dimensi-dimensi burnout.

4.9 Analisis Regresi Berganda

Di dalam bahagian ini, analisis regresi berganda digunakan bagi menentukan faktor yang mendominasi kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia. Hasil dapatan bagi analisis ini akan dipaparkan dalam Jadual 4.36.

Berdasarkan Jadual 4.36, keputusan faktor lokus kawalan diri merupakan faktor tunggal yang menunjukkan perkaitan yang signifikan dan mendominasi kewujudan

burnout di kalangan pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia. Faktor ini telah menyumbang 28.2 peratus dari keseluruhan faktor-faktor pembolehubah lain yang diuji. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan Kolerasi Pearson pada Jadual 4.35 yang menunjukkan hubungan secara negatif yang signifikan dengan fenomena burnout. Berdasarkan dapatan kajian dapat digambarkan bahawa lokus kawalan diri pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia mempunyai perkaitan negatif yang dominan. Ini bermakna semakin tinggi lokus kawalan luaran pelajar semakin rendah kebarangkalian untuk berlaku burnout di kalangan pelajar sarjana.

Jadual 4.36: Analisis Regresi Berganda faktor Lokus Kawalan Diri terhadap Fenomena

Burnout

PU Sandar	PU Bebas	MR	R ²	R ² Δ	F	Sig F	Beta	t	Sig t
Fenomena Burnout	Lokus K. D.	0.531	0.282	0.178	2.710	0.005	- 0.494	- 4.558	0.000*

Nota: Lokus K.D. = Lokus Kawalan Diri

4.10 Kesimpulan

Bab ini telah menerang dan membincangkan analisis terhadap dapatan yang diperolehi di dalam kajian. Secara umumnya, kajian telah membincangkan taburan responden terhadap faktor-faktor yang dikaji, melakukan ujian perbandingan dengan menggunakan ujian-t dan ANOVA, melakukan ujian perkaitan menggunakan Kolerasi Pearson dan diakhiri dengan analisis regresi berganda. Kajian di bahagian ini juga seterusnya menjawab segala persoalan dan hipotesis yang dibentuk di dalam bab-bab sebelum ini dan akan menjadi asas kepada perbincangan di dalam bab yang seterusnya.

BAB 5

RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir bagi pengkajian yang dilakukan. Bahagian ini akan melakukan rumusan terhadap kajian, mengkaji implikasi yang menumpukan sumbangan terhadap teori dan praktis pengkajian burnout, membincangkan pemasalahan untuk rujukan masa hadapan, mengemukakan cadangan terhadap organisasi dan penyelidikan akan datang dan akhir sekali menutup kajian ini.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan tiga objektif yang dibentuk di dalam Bab 1. Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar-pelajar sarjana, Kampus Induk Universiti Utara Malaysia. Pecahan kepada objektif umum ini telah menerbitkan tiga objektif khusus yang akan dibincangkan di bahagian ini.

5.2.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar-pelajar sarjana, Universiti Utara Malaysia. Hasil analisis di

dalam Bab 4 telah memperlihatkan bahawa wujud fenomena burnout di kalangan pelajar-pelajar sarjana malah kewujudannya mencapai tahap krisis. Oleh yang demikian, dari hasil dapatan tersebut telah menepati kehendak objektif umum kajian di samping memberikan sumbangan bermakna kepada pengkajian fenomena burnout terhadap golongan penerima khidmat atau klien yang terdiri dari kalangan pelajar.

5.2.2 Objektif Pertama

Objektif khusus pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan fenomena burnout berdasarkan ciri-ciri demografi terpilih. Objektif ini juga mempunyai perkaitan dengan pembentukan dan pengujian hipotesis pertama kajian ini. Hasil kajian mendapati kebanyakan faktor tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap fenomena burnout kecuali faktor status pelajar yang memperlihatkan perbezaan yang signifikan iaitu pelajar berstatus sepenuh masa mempunyai kebarangkalian lebih tinggi untuk mengalami burnout berbanding pelajar sambilan.

5.2.3 Objektif Kedua

Berdasarkan perbincangan di Bab 1, pembentukan objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkaitan ciri-ciri demografi terpilih, sikap polychronic, orientasi matlamat akademik dan lokus kawalan dengan fenomena burnout di kalangan pelajar. Dari dapatan kajian didapati hanya faktor lokus kawalan diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar yang dikaji. Walau bagaimanapun kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah yang signifikan ini adalah bersifat negatif dan berhubungan sederhana berdasarkan tafsiran McBurney (2001).

5.2.3 Objektif Ketiga

Objektif ketiga yang dibentuk mempunyai perkaitan dengan hipotesis ketiga kajian ini. Hasil kajian mendapati hanya satu faktor tunggal sahaja iaitu lokus kawalan diri mendominasi hubungan dengan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar. Sementara itu, faktor-faktor lain tidak menyumbang pengaruh secara signifikan terhadap kewujudan burnout di dalam kajian ini.

5.3 Implikasi Kajian

Bahagian ini akan membincangkan implikasi atau sumbangan kajian terhadap teori dan praktis. Secara teoritikal, kajian ini telah menyumbang kepada pembuktian bahawa burnout mampu berlaku terhadap golongan klien. Kajian tidak sahaja membuktikan tahap burnout berlaku di kalangan pelajar malah mampu berlaku dalam tahap krisis yang memerlukan bantuan dari pihak lain berdasarkan Pines dan Aronson (1988).

Kajian turut menyumbang penemuan hubungan lokus kawalan diri dengan kewujudan fenomena burnout. Dapatan mendapati hubungan negatif antara lokus kawalan dengan kewujudan fenomena burnout; yang bermakna pelajar yang mempunyai lokus kawalan dalaman akan mampu mengatasi pemasalahan burnout berbanding pelajar yang mempunyai lokus kawalan luaran.

Kajian gagal membuktikan hubungan sikap polychronic dan orientasi matlamat akademik dengan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar. Namun kajian

berjaya membuktikan bahawa pelajar-pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia lebih bersikap monochronic dan berorientasikan prestasi di dalam akademik dan kehidupan mereka.

Ujian perbandingan mendapati pelajar yang berstatus sepenuh masa lebih mengalami burnout berbanding pelajar sambilan. Hasil dapatan ini merupakan satu penemuan yang dapat dikembangkan jika pembentukan metodologi kajian baru yang menjurus kepada pengkajian terhadap kumpulan ini dapat dibentuk. Ini secara tidak langsung memperincikan lagi kajian burnout di kalangan pelajar yang seterusnya membentuk aliran baru pengkajian terhadap burnout.

Kajian ini walaupun tidak memberikan penemuan yang besar, namun sedikit sebanyak telah memberikan sumbangan dari sudut memperkayakan variasi pengkajian dan praktis terhadap burnout. Selain itu, kajian ini berjaya memanipulasi ilmu psikologi industri untuk dipergunakan di dalam bidang ilmu psikologi pendidikan. Secara tidak langsung kajian ini mampu dijadikan rujukan di masa hadapan.

5.4 Masalah Kajian

Kajian ini walaupun berjaya dilakukan namun masih tidak dapat lari dari permasalahan operasi kajian. Salah satu permasalahan yang timbul adalah dari aspek respon daripada responden bagi sampel yang dipilih. Kajian ini telah melakukan tiga jenis pengedaran borang soal selidik bagi memudahkan para responden membantu kajian ini. Namun permasalahan timbul apabila wujud pelajar yang lebih awal menamatkan pelajaran, selain permasalahan utama iaitu wujud responden yang tidak mempunyai

kesedaran dan tanggungjawab untuk bekerjasama dan memberikan maklum balas. Pemasalahan ini hanya akan dapat diatasi jika kesedaran di kalangan mereka dapat dipupuk dan memahami kepentingan kajian terhadap pembangunan masa hadapan selain daripada keupayaan pengkaji untuk memujuk dan menggunakan pelbagai media dengan sebaik-baiknya.

Kajian turut menghadapi pemasalahan jangkamasa kajian yang singkat. Ini memandangkan responden yang terdiri daripada pelajar adalah berbeza dari responden kumpulan lain seperti golongan pekerja atau masyarakat umum yang sentiasa ada tanpa memerlukan tempoh masa tertentu. Golongan pelajar ini mempunyai tempoh masa yang singkat iaitu mempunyai limitasi satu semester (sekitar 4 bulan). Ini menyebabkan semua operasi pengedar dan pengumpul borang soal selidik perlu diselesaikan dalam tempoh tersebut bagi mengesahkan kajian ini.

Pemasalahan semantik turut dihadapi di dalam kajian ini berkaitan pembentukan borang soal selidik. Kesukaran untuk menterjemahkan ayat dan perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dengan cara yang betul menyebabkan kajian ini terus mengekalkan penggunaan borang soal selidik di dalam bahasa tersebut dengan sedikit pengubahsuaian. Ini merupakan satu kelemahan yang jika dapat diatasi mampu mewujudkan instrumen Pengukuran Burnout versi bahasa Melayu.

Permasalahan di atas merupakan kesukaran yang dihadapi oleh pengkaji di dalam menjalankan kajian ini. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pengkaji-pengkaji di masa hadapan untuk membentuk kajian yang lebih mantap dan berkesan.

5.5 Cadangan kepada Organisasi

Berdasarkan dapatan yang diperbincangkan di Bab 4, pengkaji dapat memberikan beberapa cadangan kepada pihak Universiti Utara Malaysia bagi menangani permasalahan burnout dan membentuk kehidupan dan keperibadian pelajar yang lebih baik.

Pihak Universiti Utara Malaysia perlu memahami bahawa burnout mampu wujud di kalangan pelajar. Untuk itu pihak universiti harus mendalami pengetahuan mengenai burnout memandangkan permasalahan psikologi ini masih baru diketahui kewujudannya di kalangan pelajar. Untuk itu pengkajian lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengetahui punca-punca yang dapat menyebabkan burnout sehingga dapat mencari model penyelesaian permasalahan ini.

Berdasarkan kajian, pelajar sarjana sepenuh masa didapati lebih mengalami burnout berbanding pelajar sambilan. Untuk itu, pihak universiti wajar menyelidik semua aspek yang menyebabkan kewujudan fenomena ini di kalangan pelajar ini sama ada dari segi akademik seperti jumlah jam kredit yang banyak atau pendekatan dan kehendak pensyarah di kelas; atau melibatkan kehidupan pelajar di dalam kampus; seperti kemudahan prasarana yang melibatkan pembelajaran, pengangkutan, rekreasi, kebajikan dan sebagainya. Dengan ini masalah burnout akan dapat diatasi melalui pencegahan dari punca kewujudannya.

Kajian turut mendapati bahawa majoriti pelajar adalah bersikap monochronic dan mempunyai orientasi matlamat akademik yang berpaksikan prestasi; suatu keadaan yang dinyatakan tidak memberikan kesan prestasi yang optimum kepada pelajar. Berlandaskan

kepada permasalahan ini, pihak Universiti Utara Malaysia dicadangkan agar dapat merangka program dan aktiviti pelajar sama ada aktiviti akademik mahupun rekreasi yang dapat membentuk orientasi matlamat akademik bercorak pembelajaran dan mewujudkan gabungan sikap polychronic dan monochronic. Keadaan ini akan mampu mewujudkan sikap dinamik dan proaktif di kalangan pelajar terhadap pelajaran dan kehidupannya di masa hadapan yang seterusnya akan meningkatkan lagi kredibiliti Universiti Utara Malaysia sebagai wadah penyaluran ilmu bertaraf dunia.

Berdasarkan kajian, kekuatan pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia yang dikaji mempunyai lokus kawalan diri yang bersifat dalaman iaitu kawalan diri yang dapat membentuk kepercayaan dan keupayaan terhadap kemampuan diri sendiri terhadap persekitarannya. Keadaan ini merupakan suatu kekuatan dan peluang yang dipunyai oleh Universiti Utara Malaysia bagi mewujudkan perubahan-perubahan yang terancang dalam pembudayaan semula matlamat pendidikan agar membawa kebaikan kepada pelajar yang seterusnya akan memberi pulangan yang baik kepada organisasi.

5.6 Cadangan kepada Penyelidikan Akan Datang

Penyelidik akan datang dicadangkan memperluaskan kajian ini dengan menggunakan jumlah populasi yang lebih besar yang melibatkan beberapa institusi pengajian tinggi. Ini akan membantu mengesahkan kajian-kajian fenomena burnout di kalangan pelajar dengan lebih tepat di samping membantu mewujudkan satu cabang bidang pengkajian baru fenomena ini.

Penyelidikan akan datang juga disyorkan mengkaji dimensi-dimensi burnout yang wujud di dalam instrumen pengukuran. Pengkajian ini akan membantu penyelidikan burnout mengenal pasti jenis kelesuan yang mendominasi kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar. Ini secara tidak langsung akan memperincikan permasalahan burnout yang wujud di kalangan pelajar agar satu model penyelesaian permasalahan ini dapat diwujudkan dan dipraktikkan.

Kajian juga telah memperlihatkan lokus kawalan diri yang menunjukkan hubungan yang signifikan di dalam kajian ini. Oleh yang demikian pengkajian di masa hadapan adalah disyor supaya menggunakan pengukuran-pengukuran psikologi lain, yang mungkin dapat memperlihatkan hubungan dengan kewujudan fenomena burnout di kalangan pelajar.

Walaupun kajian perkaitan terhadap sikap polychronic dan orientasi matlamat pembelajaran tidak menunjukkan hubungan terhadap kewujudan burnout. Namun kajian berjaya membuktikan kedua-dua perkara itu berlaku di kalangan pelajar tetapi hasil yang diperolehi mampu menggugat prestasi pelajar secara optimum berdasarkan VandeWalle (2001) dan Van de Horst (1999). Oleh yang demikian kajian yang selanjutnya terhadap sikap polychronic dan orientasi matlamat akademik secara tersendiri adalah disyorkan kepada pengkaji-pengkaji akan datang.

5.7 Penutup

Kajian ini telah membuktikan bahawa fenomena burnout mampu wujud di kalangan pelajar. Hasil kajian ini telah mengukuhkan lagi bukti-bukti kewujudan

fenomena burnout di kalangan pelajar yang juga golongan klien seperti yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Kajian turut membuktikan bahawa majoriti pelajar sarjana di Universiti Utara Malaysia adalah bersikap monochronic, berorientasikan prestasi dan mempunyai lokus kawalan dalaman. Dari sudut kajian terhadap faktor-faktor demografi, faktor status pelajar memperlihatkan perbezaan terhadap kewujudan fenomena burnout, namun tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dalam ujian hubungan. Secara umumnya kajian ini telah menepati kehendak kesemua objektif dan hipotesis yang telah dibentuk sebelum ini.

Kajian ini merupakan hasil pengubahan kajian psikologi pengurusan dan industri yang diguna pakai untuk industri pendidikan bagi membuktikan bahawa kewujudan burnout di kalangan pelajar. Hasil kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa burnout mungkin adalah salah satu pemasalahan di kalangan pelajar di Malaysia. Keadaan ini dijangka akan dapat membuka lembaran baru pengkajian burnout dan akan mampu menarik ramai pengkaji-pengkaji dunia pendidikan. Kajian ini sewajarnya akan dapat membantu pelbagai pihak untuk melihat variasi pemasalahan di kalangan pelajar bagi mewujudkan satu bentuk pencegahan terhadap kewujudan burnout di kalangan mereka demi kesejahteraan pelajar yang secara tidak langsung melibatkan kesejahteraan dan pembangunan agama, bangsa dan negara di masa hadapan.

RUJUKAN

- Barnett, R.C., Brennan, R.T., Gareis, K.C. (1999), A closer look at the measurement of burnout. Journal of Applied Biobehavioral Research. 4. 65-78.
- Barrick, K. (1989) Burnout and job satisfaction of vocational supervisors. Agricultural Education. Winter. 35-41.
- Bell, B.S. & Kozlowski, S. W. J. (2002). Goal orientation and ability: interactive effects on self-efficacy, performance, and knowledge. Journal of Applied Psychology. 87. 497-505.
- Benobou, C. (1999). Polychronicity and temporal dimension of work in learning organizations. Journal of Managerial Psychology. 14. 257-268
- Berg, A. Hanson, U.W. & Hallberg I.R. (1994) Nurses' creativity, tedium and burnout during 1 year of clinical supervision and implementation of individually planned nurse care: comparisons between a ward for severely demented patients and a similar control ward. Journal of Advanced Nursing. 20. 742-749.
- Bluedorn, A.C., Kaufman, C.F., & Lane, P.M. (1992). How many things do you like to do at once? An introduction to monochronic and polychronic time. Academy of Management Executive. 6. 17-26.
- Borritz, M. dan Kristensen, T. S. (2001). Copenhagen burnout inventory: normative data from a representative Danish population on personal burnout and result from PUMA* study on personal burnout, work burnout, and client burnout (PUMA: Project on burnout, motivation, and job satisfaction). National Institute of Occupational Health, Copenhagen.

- Bradshaw, R. J. & Gilbrech, J. A. (2002) . Self-esteem's relationship to locus of control, anxiety, body image, depression, gender and age. Diperolehi pada 11 Ogos 2003 dari World Wide Web: <http://webpages.csus.edu/~sac65152/Self-Esteem%20Study.htm>.
- Brenninkmeijer, V., Van Yperen, N. W. & Buunk, B. P. (2001). Burnout and depression are not identical twins: is decline of superiority a distinguishing feature? Personality and Individual Differences. 30. 873-880
- Cherniss, C. (1980) Professional burnout in human service organizational. New York: Praeger Publishers.
- Cherniss, C. (1995). Beyond burnout: helping teachers, nurses, therapist, and lawyers recover from stress and disillusionment. New York: Routledge.
- Colquitt, J. A. & Simmering, M. J. (1998). Conscientiousness, goal orientation, and motivation to learn during the learning process: a longitudinal study. Journal of Applied Psychology. 83. 654-665.
- Darshan, S. (13 Jun 2003). Feeling blue at the u. New Straits Times-Management Times. Diperolehi dari World Wide Web : <http://eservice.uum.edu.my:2054/universe/>
- Etzion, D. & Pines, A. (1986). Sex and culture in burnout and coping among human service professionals: a social psychological perspective. Journal of Cross-Cultural Psychology. 17.191-209.
- Eliot, R. S. (2000). Student leader burnout. Center for Student Involvement & Leadership Diperolehi pada 11 Ogos 2003 dari World Wide Web : www.mercer.edu/csil/Resource%20Files/Student%20Leader%20Burnout.PDF
- Fields, V. (1998). Student's burnout bring on breakdown. Diperolehi pada 29 September 2003 dari World Wide Web : http://student.vwc.edu/~chronicle/2_13_98/burnout.htm

- Gmelch, W.H. & Gates, G. (1998). The impact of personal, professional and organizational characteristics on administrator burnout. Journal of Educational Administration. 36. 146-159.
- Golembiewski, R.T. (1993). Handbook of organizational behavior. New York: Marcel Dekker, Inc.
- Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. (1985) Statistics for the behavioral sciences : a first course for students of psychology and education. St. Paul: West Pub. Co.
- Hampson, S. E. (1988). The construction of personality : an introduction (2nd Ed.). London: Routledge.
- Hellriegel, D., Slocum, J. W. & Woodman, R. W. (2001). Organizational behavior (9th Ed.). Ohio: South-Western College Publishing.
- Howell, D. C. (1992). Statistical methods for psychology (3rd Ed.). Boston: PWS-Kent.
- Hudson, R.H. (1998). Burnout among agricultural education teacher in West Virginia. Tesis. West Virginia University, West Virginia.
- Jegade, O., Fan, R.Y. K., Chan M. S. C., Yum, J. & Taplin, M. (1999). Locus of control and metacognition in open and distance learning: a comparative study of low and high achievers. The Open University of Hong Kong, Hong Kong.
- Kaufman, C. F., Lane, P. M., & Linquist, J. D. (1991). Exploring more than 24 hours a day: a preliminary investigation of polychronic time use. Journal of Consumer Research. 18. 392-401
- Kaufman-Scarborough, C., & Lindquist, J.D. (1999 a). The polychronic attitude index: refinement and preliminary consumer marketplace behavior applications. American Marketing Association Winter Educators. 10. 151-157

- Kaufman-Scarborough, C., & Lindquist, J.D. (1999 b). Time management and polychronicity: comparisons, contrasts and insights for the workplace. Journal of Managerial Psychology. 14. 228-312.
- Kaur, M. & Ganesan, R. (6 Jun 2003). Fear factor. New Straits Times-Management Times. Diperolehi dari World Wide Web : <http://eservice.uum.edu.my/>.
- Kop, N., Euwema, M. & Schaufeli, W. (1999). Burnout, job stress and violent behaviour among Dutch police officers. Work & Stress. 13. 326-340.
- Langford, T. (1997). Relaxation, balance necessary for preventing student burnout. Student Publications Inc. Diperolehi pada 3 Julai 2003 dari World Wide Web : www.kstatecollegian.com/issues/v101/sp/n118/cam-balance-langford.html
- Lim, B. & Dermawan, A. (10 Jun 2003). Perplexing death of a promising USM freshie. New Straits Times-Management Times. Diperolehi dari World Wide Web : <http://eservice.uum.edu.my/>
- Liu, Y., Lavelle, E. & Andris, J. (2002). Effect of online instruction on locus of control and achievement motivation. Paper present at AERA Annual Conference in New Orlean on April 1, 2002. Illinois.
- Low, G. S., Cravens, D.W., Grant, K. & Moncrief, W.C. (2001). Antecedents and consequences of sales person burnout. European Journal of Marketing. 35. 587-611.
- Maslach, C., Schaufeli, W. B. & Leiter, M.P. (2001). Job burnout. Annual Review Psychology. 52. 397-422.
- McBurney, D.H. (2001). Research methods (5th Ed.). Carlifornia: Wadsworth.
- Meritt, E. (2001). Performance expectations and burnout in private club management. California State Polytechnic University. Fall. 59-65

- Ng, W. C. (1997). Ketandusan upaya guru: satu perbandingan antara guru-guru sekolah satu sesi dengan guru-guru sekolah dua sesi. Tesis. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Niehouse, O.I. (1984). Controlling burnout: leadership guide for managers. Business Guide. July-August.
- Pham, J. (1998). Burnout afflicts students. Daily Californian. Diperolehi pada 29 September 2003 dari World Wide Web : www.wpi.edu/News/TechNews/980317/burnout.html
- Phillip, J. M. & Gully, S. M. (1997). Role of goal orientation, ability, need for achievement, and locus of control in the self-efficacy and goal-setting process. Journal of Applied Psychology. 82. 792-802.
- Pines, A. (2003). Occupational burnout: a cross-cultural Israeli Jewish-Arab perspective and its implications for career counseling. Career Development International. 8. 97-106.
- Pines, A. & Aronson, E. (1988). Career burnout: causes and cures. New York: The Free Press.
- Robinson, J. P., Shaver, P. R. & Wrightsman, L. S. (1991). Measure of personality and social psychological attitudes. California: Academic Press. Inc.
- Rocca, A. D. & Konstanski, M. (2001). Burnout and job satisfaction among Victorian secondary teachers: a comparative look at contract and permanent employment. Discussion Paper ATEA Conference. Teacher Education: Change of Heart, Mind and Action. 24-26 September 2001. Melbourne
- Schaufeli, W., & Enzmann, D. (1998). The burnout companion to study and practice: a critical analysis. London: Taylor & Francis.

- Schaufeli, W. B. & Greenglass, E. R. (2001). Introduction to special issue on burnout and health. Psychology and Health. 16. 501-510.
- Schaufeli, W., Maslach, C. & Marek, T. (1993). Professional burnout: recent developments in theory and research. Washington D.C.: Taylor & Francis.
- Sekaran, U. (2000). Research methods for business: a skill-building approach (3rd Ed.). New York: Wiley and Sons. Inc.
- Slivar, B. (2001). The syndrome of burnout, self image, and anxiety with the grammar school students. Horizon of Psychology. 10. 21-32.
- Spheres of control (SOC) inventory. Diperolehi pada 11 Ogos 2003 dari World Wide Web: <http://www.psych.ubc.ca/~dpaulhus/research/socstuff.htm>
- Van der Horst, B. (1999). Edward T. Hall – a great – grandfather of NPL. Diperolehi pada 8 November 2003 dari World Wide Web : www.cs.ucr.edu/~gnick/bvdh/print_edward_t_hall_great_.htm.
- VandeWalle, D. (2001). Goal orientation: why wanting to look successful doesn't always lead to success. Organizational Dynamic. 30. 162-171.
- VandeWalle, D., Brown, S.P., Cron, W. L. & Slocum J. W. (1999). The influence of goal orientation and self-regulation tactics on sales performance: a longitudinal field test. Journal of Applied Psychology. 84. 629-640.
- Van Dierendonck, D., Schaufeli, W. B., & Buunk, B. P. (1996) Inequity among human service professionals: measurement and relation to burnout. Basic and Applied Social Psychology. 18. 429-451.
- Weisberg, J. (1994). Measuring workers' burnout and attention to leave. International Journal of Manpower. 15. 4-14.

Whitaker, K.S. (1996). Exploring causes of principal burnout. Journal of Education Administration. 34. 60-71.

Yazli, S.M.Y (2003). Tahap kewujudan fenomena burnout dan hubungannya dengan prestasi di kalangan pelajar MBA dan MSc. (Mgmt), kampus Universiti Utara Malaysia. Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Yazli, S.M.Y., Kho, N. L., Azie, J., Wan Shukry. W. D. & Mohd Fauzwadi M. A. (2003) Sikap proaktif sebagai penentu kecenderungan keusahawanan: kajian terhadap pelajar sarjana muda Universiti Utara Malaysia. Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Zani, B. & Pietrntoni, L. (2001). Gender difference in burnout, empowerment and somatic symptoms among health professionals: moderators and mediators. Equal Opportunities International. 20. 39-48.

APPENDIX I

Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

Tarikh

Responden Budiman
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

Tuan/Puan

RESPONDEN UNTUK PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya, jasa tuan/puan diperlukan untuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah terpilih secara sistematik untuk menjadi responden kajian bagi populasi yang terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana Universiti Utara Malaysia. Kajian ini adalah untuk memenuhi tuntutan bergraduasi bagi kursus PZ6996: Tesis dan saya memohon tuan/puan membantu saya di atas perkara ini.

Untuk pengetahuan tuan/puan, penyelidikan ini adalah di bawah seliaan dan penyelarasan Dr. Haji Abdullah bin Abd. Ghani. Isu utama di dalam kajian ini adalah berkaitan psikologi pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar sarjana.

Untuk makluman tuan/puan borang soal selidik yang dilampirkan bersama surat ini adalah dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan mengandungi 55 soalan. Mohon kerjasama tuan/puan untuk menjawab semua soalan dengan ikhlas dan mengikut panduan yang diberikan.

Penyelidikan ini adalah untuk tujuan akademik dan segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan didahului dengan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Yazli Sufli Bin Mohd Yazid

Graduate School
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah

Date:

Respondents
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah

Dear Sir/Madam:

PARTICIPATION IN RESEARCH PROJECT

It is gladly announced that you are being systematically selected to be a respondent to represent the population of master students in Universiti Utara Malaysia's main campus in Sintok, Kedah. This research project (PZ6996) is a partial fulfillment of graduation for Master of Science (Management) course. The research project is being supervised by Dr. Haji Abdullah bin Abd. Ghani of UUM School of Management. The research attempts to study the nature of learning psychology among graduate students.

Enclose with this letter is the 55 item-questionnaires conducted in English language. The information you provide will help the researcher to better understand the learning psychology of the graduate students. Because you are the one who can give the researcher a correct picture and insights, thus researcher hereby plead your kindness to answer all questions sincerely according to the guidance given.

This research is for academic purpose only and all information given will be kept strictly confidential. Thank you for your time and cooperation. The researcher greatly appreciates your help in furthering this research endeavor.

Sincerely,

Yazli Sufli bin Mohd Yazid

Congratulation. You have been systematically selected to be respondents of this Thesis Project.

This research attempts to discover the psychological impact among Master students in Universiti Utara Malaysia. The result of the research will give insight about the learning situation among the Master student in this campus.

This questionnaire consists of 55 questions divided into five sections. Please take your time and answer all the questions sincerely and accordingly. All information provided will be treated with strict confidential and will be used for academic purposes only. Thank you for your cooperation.

Section A: Please answer all questions. (Fill in the blank or tick (√) the answer according to the requirement).

1. Gender: Male Female
2. Age: Below 21 years
 21 – 23 years
 24 – 26 years
 27 – 30 years
 31 – 33 years
 34 – 36 years
 37 – 40 years
 Above 41 years
3. Marital Status: Single
 Married
 Separated
4. No. of your children (if relevant)

0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	More
5. Course:

<input type="checkbox"/>	M(Art)
<input type="checkbox"/>	MA (Counseling Psy.)
<input type="checkbox"/>	MBA
<input type="checkbox"/>	MBA (Acct.)
<input type="checkbox"/>	MBA (Finance)
<input type="checkbox"/>	MBA (PRO. ACCT)
<input type="checkbox"/>	MBA (TOURIS)
<input type="checkbox"/>	MEc

<input type="checkbox"/>	MPA
<input type="checkbox"/>	MPM
<input type="checkbox"/>	MSc (Acct)
<input type="checkbox"/>	MSc (Banking)
<input type="checkbox"/>	MSc (Dec. Sc.)
<input type="checkbox"/>	MSc (Edu.)
<input type="checkbox"/>	MSc (Finance)
<input type="checkbox"/>	MSc (ICT)

<input type="checkbox"/>	MSc (IKBS)
<input type="checkbox"/>	MSc (Int. Acct.)
<input type="checkbox"/>	MSc (Islamic Banking)
<input type="checkbox"/>	MSc (IT)
<input type="checkbox"/>	MSc (Mgmt)
<input type="checkbox"/>	MSc (Tourism. Mgmt)
<input type="checkbox"/>	Others : _____
6. Course Type: Full Course work
 Course work and Research Project
 Full Research Project
7. Status: Full-time Part-time
8. Your accumulated credit hours (not include this semester) : _____
9. Your total credit hours for this semester: _____
10. Distant of your current residence area to the campus: _____ km
11. Your current occupational status: Full-time
 Part-time
 None (If 'None', skip next page)
12. Occupational Level: Managerial level
 Supportive level

Section B: How often do you have any of the following experiences? Please circle your answer by using the scale.

Never	Once in a great while	Rarely	Sometimes	Often	Usually	Always
1	2	3	4	5	6	7

13.	Being tired.	1	2	3	4	5	6	7
14.	Feeling depressed.	1	2	3	4	5	6	7
15.	Having a good day.	1	2	3	4	5	6	7
16.	Being physically exhausted.	1	2	3	4	5	6	7
17.	Being emotionally exhausted.	1	2	3	4	5	6	7
18.	Being happy.	1	2	3	4	5	6	7
19.	Being "wiped out".	1	2	3	4	5	6	7
20.	"Can't take it anymore".	1	2	3	4	5	6	7
21.	Being unhappy.	1	2	3	4	5	6	7
22.	Feeling run-down.	1	2	3	4	5	6	7
23.	Feeling trapped.	1	2	3	4	5	6	7
24.	Feeling worthless.	1	2	3	4	5	6	7
25.	Being weary.	1	2	3	4	5	6	7
26.	Being troubled.	1	2	3	4	5	6	7
27.	Feeling disappointed and angry.	1	2	3	4	5	6	7
28.	Being weak and easy to get illness.	1	2	3	4	5	6	7
29.	Feeling hopeless.	1	2	3	4	5	6	7
30.	Feeling rejected.	1	2	3	4	5	6	7
31.	Feeling optimistic.	1	2	3	4	5	6	7
32.	Feeling energetic	1	2	3	4	5	6	7
33.	Feeling anxious.	1	2	3	4	5	6	7

Section C: Please consider how you feel about the following statements. Please circle your answer by referring the scale.

Strong disagree	Disagree	Neutral	Agree	Strongly Agree
1	2	3	4	5

34.	I do not like to juggle/hopping/skip several activities at the same time.	1	2	3	4	5
35.	People should not try to do many things at once.	1	2	3	4	5
36.	When I sit down at my desk, I work on one project at a time.	1	2	3	4	5
37.	I am comfortable doing several things at the same time.	1	2	3	4	5

Section D: Read each statement below and select an answer from the following scale that best the level of your agreement.

Strongly disagree	disagree	Sort of disagree	Neither agree nor disagree	Sort of agree	Agree	Strongly Agree
1	2	3	4	5	6	7

38.	I prefer challenging and difficult classes so that I'll learn a great deal.	1	2	3	4	5	6	7
39.	I truly enjoy learning for the sake/goodness of learning.	1	2	3	4	5	6	7
40.	I like classes that really force me to think hard.	1	2	3	4	5	6	7
41.	I'm willing to take a difficult course if I can learn a lot from taking it.	1	2	3	4	5	6	7
42.	I think that it's important to get good grades in order to show how intelligent you are.	1	2	3	4	5	6	7
43.	I would rather drop a difficult class than earn a low grade.	1	2	3	4	5	6	7
44.	To be honest, I like to prove my ability to others.	1	2	3	4	5	6	7
45.	I prefer to avoid situations in classes where I could risk performing poorly.	1	2	3	4	5	6	7

Section E: Indicate how much you agree with each statement. Please circle your answer by referring the scale.

Strongly disagree	disagree	Sort of disagree	Neither agree nor disagree	Sort of agree	Agree	Strongly Agree
1	2	3	4	5	6	7

46.	I can usually achieve what I want if I work hard for it.	1	2	3	4	5	6	7
47.	Once I made plans, I am almost certain to make them work.	1	2	3	4	5	6	7
48.	I prefer games involving some luck over games requiring pure skills.	1	2	3	4	5	6	7
49.	I can learn almost anything if I set my mind to it.	1	2	3	4	5	6	7
50.	My major accomplishments are entirely due to my hard work and ability.	1	2	3	4	5	6	7
51.	I usually do not set goals because I have hard times following through on them.	1	2	3	4	5	6	7
52.	Bad luck has sometimes prevented me from achieving things.	1	2	3	4	5	6	7
53.	Almost anything is possible for me if I really want it.	1	2	3	4	5	6	7
54.	Most of what happens in my activity is beyond my control.	1	2	3	4	5	6	7
55.	I find it pointless to keep working on something that is too difficult for me.	1	2	3	4	5	6	7

This completed questionnaire can be submit at:

- Graduate School Office, or
- All Computer Labs at Graduate School

Thank you for your time and cooperation.

From

Yazli Sufli Bin Mohd Yazid
83315

APPENDIX II

FORMULA PENGIRAAN INSTRUMEN KAJIAN

Nombor-nombor bertulisan 'italic' di bawah adalah mewakili seksyen dan nombor soalan di Appendix I.

Bahagian B: Instrumen Pengukuran Burnout

$$\text{Tahap Burnout} = \frac{((B13 + B14 + B16 + B17 + B19 + B20 + B21 + B22 + B23 + B24 + B25 + B26 + B27 + B28 + B29 + B30 + B33) + (32 - (B15 + B18 + B31 + B32)))}{21}$$

Bahagian C: Instrumen Indeks Sikap Polychronic

$$\text{Sikap Polychronic/Monochronic} = (C34 + C35 + C36 + C37) / 4$$

(Nota : Soalan C34, C35 dan C36 mempunyai nilai 'reverse' berdasarkan Appendix I)

Bahagian D: Instrumen Orientasi Matlamat Akademik

$$\text{Orientasi Matlamat Akademik} = (D38 + D39 + D40 + D41) - (D42 + D43 + D44 + D45)$$

Bahagian E: Instrumen Lokus Kawalan Diri


Lokus Kawalan = $(E46 + E47 + E48 + E49 + E50 + E51 + E52 + E53 + E54 + E55) / 10$

(Nota : Soalan E48, E51, E52, E54 dan E55 mempunyai nilai 'reverse' berdasarkan

Appendix I)

APPENDIX III

Ujian Normaliti Pembolehubah : Fenomena Burnout



Ujian Normaliti Pembolehubah : Sikap Polychronic

